# DINAMISME MOHD KHALIL YAAKOB

## 13 TAHUN SEBAGAI MENTERI BESAR PAHANG

ABDUL WAHAB MOHAMAD ALI

*Perunding Foto*

HAJI MANAN AHMAD

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD
2000

*Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*
*No. 1 & 3, Jalan 3/91A*
*Taman Shamelin Perkasa, Cheras*
*56100 Kuala Lumpur*
*Tel: 03-9856577*
*Fax: 03-9846554/9875763*

*© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*
*Terbitan Pertama 2000*

*Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.*

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdul Wahab Mohamad Ali
Dinamisme Mohd Khalil Yaakob : 13 tahun sebagai Menteri Besar Pahang / Abdul Wahab Mohamad Ali.
ISBN 967-61-1008-6
1. Mohd Khalil Yaakob, Tan Sri Dato' Seri, 1937-.
2. Statesman–Pahang–Biography. I. Judul.
~~932~~.29595123
923.29595123

m
923.29595123
AWM
f

*Dicetak oleh*
*PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.*
*No. 29, Jalan 2/148A,*
*Tmn. Sg. Besi Industrial Park,*
*57100 Kuala Lumpur.*

28 AUG 2003
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01112553

# Prakata

Menulis sebuah buku mengenai Tan Sri Dato' Seri Mohd Khalil Yaakob seperti yang tersedia kini, adalah sesuatu yang menyeronokkan lagi membanggakan.

Ini kerana, dalam proses membuat penyelidikan mengenainya, penulis terserempak dengan pelbagai bahan baru yang menyegarkan, lalu memberikan semangat baru, hari demi hari, untuk memperoleh lebih banyak bahan mengenainya.

Bahan-bahan ini, termasuklah foto-foto dan keratan-keratan akhbar, diadunkan sebegitu rupa agar akhirnya cuba memaparkan sebenar-benarnya, orangnya Mohd Khalil, dengan tumpuan semestinya kepada kepemimpinan 13 tahunnya di Pahang.

Dan sesudah terhasil buku ini, penulis tidak merasakan yang lain melainkan kebanggaan semata-mata.

Dengan penghasilan buku berbentuk "biofoto" ini diharap dapat menjadi bahan tatapan umum, kemudian menjadi pula sejarah yang bermutu mengenai tokohnya Mohd Khalil.

Dalam pada itu penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Mohd Khalil yang telah memberi sepenuh kepercayaan kepada penulis untuk menghasilkan buku ini.

Juga kepada pelbagai pihak yang turut terlibat menjayakan penerbitan buku ini.

*Abdul Wahab Mohamad Ali*

# Kata Pengantar

Apabila seseorang insan menghambakan dirinya sebagai wakil rakyat dan diamanahkan pula untuk memimpin, maka dia dengan sendirinya menjadi milik rakyat, dan segala riwayat hidup dari buai hingga ke pusara beserta dengan daya pemikiran, kreativiti, wawasan, amal bakti dan setiap gerak gerinya juga akan terdedah kepada umum untuk dijadikan teladan atau sempadan. Rakyat berhak menilai dan memberi markah sendiri terhadap hak miliknya.

Melalui biografi foto ini, Tan Sri Dato' Seri Mohd Khalil bin Yaakob bukan sahaja menghambakan dirinya sebagai wakil, pemimpin dan pengamanah rakyat tapi bersedia untuk dirinya dinilai oleh orang ramai. Bukan sahaja tubuh badannya dipapar kepada khalayak ramai semasa berenang di Paya Bungor untuk membuktikan bahawa buaya buas tidak berlegar mengganggu keselamatan pelancong ke tasik itu, tapi aktivitinya sebagai diplomat, pentadbir, menteri dan pemimpin keluarga dan rakyat juga terdedah kepada umum untuk penilaian. Sememangnya biografi foto begini tidak mampu menggambarkan semua kisah hidup Tan Sri Dato' Seri Mohd Khalil tetapi memadai untuk membayangkan sebahagian kecil riwayatnya yang menarik, dan adalah diharapkan naskhah ini menjadi perintis kepada sebuah biografi definitif, Insya-Allah.

*Kamarul Ariffin*

# Kandungan

| | | |
|---|---|---|
| Prakata | | *i* |
| Kata Pengantar | | *iii* |
| 1 | Sepintas lalu | 1 |
| 2 | Wawancara | 14 |
| 3 | Kepemimpinan Negeri | 37 |
| 4 | Kepemimpinan Negeri | 49 |
| 5 | Kepemimpinan Negeri | 66 |
| 6 | Isu-isu Kepemimpinan Negeri | 74 |
| 7 | Isu-isu Kepemimpinan Negeri | 81 |
| 8 | Isu-isu Kepemimpinan Negeri | 88 |
| 9 | Isu-isu Kepemimpinan Negeri | 96 |
| 10 | Kepemimpinan Politik | 102 |
| 11 | Orangnya, Khalil ... | 113 |
| 12 | Orangnya, Khalil ... | 127 |
| 13 | Keluarga Tercinta | 136 |

# 1 Sepintas lalu

Dilahirkan pada 29 Disember 1937 di Kuantan, Tan Sri Dato' Seri Mohd Khalil Yaakob ialah anak ketiga daripada tujuh adik-beradik.

Beliau menerima pendidikan awalnya di Sekolah Ahmad Shah, di Bandar Diraja Pekan.

Begitu cemerlang beliau dalam pendidikan awal, hanya pada usia 12 tahun, beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di institusi pendidikan berprestij negara, Kolej Melayu Kuala Kangsar atau Malay College Kuala Kangsar.

Dari situ, beliau memasuki Universiti Malaya di Kuala Lumpur dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) pada tahun 1962.

Pada tahun yang sama, beliau menyertai UMNO – parti tulang belakang Perikatan dan kininya Barisan Nasional, yang memerintah negara.

Semasa zaman universitinya, Mohd Khalil ialah hampir segala-galanya kecuali seorang "ulat buku". Selain daripada menjadi ahli jawatankuasa kerja bagi Majlis Perwakilan Pelajar yang berpengaruh, beliau juga menjadi presiden untuk Kesatuan Sukan dan juga kapten pasukan olahraga untuk selama dua penggal.

Mohd Khalil juga mewakili pasukan universiti dalam sukan ragbi.

## Di perantauan dan Kembali Selepasnya

Selepas menamatkan pengajian, beliau terus menyertai Kementerian Luar Negeri sebagai Pegawai Hal-ehwal Politik, yang membawanya bertugas di beberapa negara seperti Itali, Maghribi, Singapura dan Indonesia.

Selepas 13 tahun di perantauan, beliau mengambil keputusan untuk kembali ke tanah air setelah dipanggil pulang untuk kemudiannya dipinjamkan menjadi pengurus besar Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) yang baru ditubuhkan.

Jawatan ini diterimanya sebagai cabaran besar. Dengan penuh komitmen, Mohd Khalil segera melaksanakan tugasannya bagi memastikan misinya di LKWJ berjaya.

Satu daripada tugasannya ialah memastikan agar 70,000 keluarga yang baru ditempatkan di kawasan itu sebagai peneroka, dapat melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Prestasi beliau tidak menghampakan dan itu boleh dikatakan antara sebab Mohd Khalil ditawarkan untuk bertanding atas tiket Barisan Nasional, pada pilihan raya umum 1978 di Dewan Undangan Negeri kawasan Bukit Ibam.

Beliau berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri itu menentang calon parti pembangkang dengan majoriti yang besar.

Sejak itu, bermulalah kerjayanya sebagai wakil rakyat yang bergelar Yang Berhormat. Beliau berjaya memainkan peranannya dengan baik. Beliau bukan sahaja membawa pembangunan ke kawasan pilihan rayanya, tetapi terkenal sebagai wakil rakyat yang mudah dihubungi sepanjang masa.

Oleh kerana itu, tidak hairanlah jika beliau sekali lagi dicalonkan untuk bertanding pada pilihan raya seterusnya pada tahun 1982. Kali ini, beliau bertanding bagi kawasan parlimen Maran, yang kemudian dimenanginya.

## Jawatan dalam Kerajaan

**Kerana** kalibernya, adalah tidak memeranjatkan apabila beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Pelajaran.

Semasa menjawat jawatan ini, Mohd Khalil memberi pelbagai sumbangan demi kemajuan sektor pendidikan negara, dan antaranya menjadi tulang belakang di sebalik penubuhan universiti keenam negara iaitu Universiti Utara Malaysia.

Beliau ialah pengerusi Jawatankuasa Pembangunan, Kementerian Pelajaran ketika itu.

Tidak lama kemudian, dalam rombakan kabinet pada 14 Julai 1984, Mohd Khalil telah dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh.

Sebuah akhbar bahasa Inggeris telah membuat laporan tentang pelantikan itu.

> *"After only six years of active involvement in politics, Datuk Khalil Yaakob emerges as one of the young generation leaders in the Mahathir cabinet."*

Beliau dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan diberi tugasan tertentu termasuk mengawas hal-ehwal perkhidmatan awam dan juga Lembaga Tabung Haji.

Tugas ini bukanlah mudah terutama dalam mengawas perkhidmatan awam, beliau berhadapan dengan kesatuan sekerjanya iaitu CUEPACS, yang mempunyai keanggotaan yang besar iaitu seramai 860,000 orang.

Antara isu yang harus ditangani ketika itu ialah soal tuntutan gaji dan Mohd Khalil amat berdiplomasi mengenainya.

Dalam pada beliau bersedia berbincang mengenainya dengan CUEPACS, beliau terus bertegas seperti mana laporan akhbar 14 April 1986:

> *"The government would not apply loans to meet their demands because this was against its policies."*

Beliau juga mengambil pendirian yang sama tegasnya dengan mengumumkan seperti yang dipetik daripada laporan sebuah akhbar bertarikh 25 November 1985 bahawa:

> *"NEP will continue after 1990."*

*"The government, he reiterated, had no plans to do away with the policy but would continue with it under a different name to ensure the success of bumiputeras and to eradicate poverty."*

## Menjadi Menteri Besar

Pada tahun 1986, sekali lagi negara menghadapi pilihan raya umum. Kerana ketokohannya, Mohd Khalil terus sahaja dikaitkan sebagai bakal Menteri Besar Pahang apabila namanya dicalonkan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri di Bukit Tajau.

Beliau memenangi kerusi tersebut dan seperti dijangka, beliau dilantik sebagai Menteri Besar Pahang yang ke-13 pada 14 Ogos 1986 dengan mengangkat sumpah jawatan di hadapan KDYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah, di Istana Abu Bakar, Pekan.

Lima hari kemudian, pada majlis mengangkat sumpah jawatan untuk jemaah exco negerinya di hadapan Baginda juga, Mohd Khalil telah membuat ucapan rasminya yang pertama dan beliau terus menekankan bahawa kemelesetan ekonomi yang mencengkam negara ketika itu memerlukan kerajaan negeri berjimat cermat dalam perbelanjaannya.

Beliau kekal sebagai Menteri Besar yang "besar, teguh dan peramah", dan berjaya mengemudi negeri dan partinya memenangi pilihan raya umum tahun 1990 dan 1995 dengan rekod yang cemerlang.

Pada 22 Mei 1999, beliau menamatkan khidmatnya sebagai Menteri Besar Pahang ke-13 dengan menyempurnakan Majlis Meletak Jawatan di hadapan KDYMM Sultan Pahang, di Istana Abu Bakar, Pekan.

Peletakan jawatannya itu adalah untuk membolehkan beliau berpindah ke pusat sebagai Menteri Penerangan seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 20 Mei 1999. Beliau juga dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Pada 24 Mei, Mohd Khalil telah mengangkat sumpah sebagai Senator di Dewan Negara, dan sehari kemudian, mengangkat sumpah sebagai menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Di bawah kepemimpinannya, Mohd Khalil telah membawa banyak kejayaan dan pembangunan ke negeri Pahang yang manfaatnya dinikmati oleh segala lapisan penduduk.

Antaranya ialah kejayaan beliau memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk melabur di negeri Pahang. Ini terbukti dengan catatan nilai pelaburan asing yang tinggi dan pembukaan banyak kawasan industri di serata pelosok negeri.

Pada awal kariernya sebagai ahli politik, beliau telah dikurniakan Bintang Kebesaran Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang membawa gelaran "Dato'" oleh KDYMM Sultan Pahang pada tahun 1978.

Sembilan tahun kemudian, beliau dikurniakan Bintang Kebesaran Seri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran "Dato' Seri" oleh ke bawah Duli.

Pada tahun 1989 pula, Mohd Khalil menerima Bintang Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran "Tan Sri" oleh Yang di-Pertuan Agong.



YANG MANA KHALIL?

*ORANGNYA KHALIL ... waktu muda beraksi bersama kapak.*

*MOHD KHALIL ... DIPLOMAT MUDA.*







*BERBULAN MADU? ... baru setahun perkahwinan, sudahpun mendapat "posting" ke luar negara. (1965)*





*BERSAMA-SAMA KELUARGA MUDA DI ROM.*

*PERCUTIAN ... bersama keluarga di luar negara.*





*DENGAR ORANG MUDA ...*

*MENTERI PENGIRING ... sempena lawatan Puan Margaret Thatcher ke Malaysia.*





*TEMUI PENDIDIK ... sedang sain autograf selaku Timbalan Menteri Pelajaran di Maktab Perguruan Teknik, Jln. Cheras, Kuala Lumpur. (24 September 1982)*




*TERIMA KASIH ... Prof. Di Raja Ungku Aziz sampaikan cenderamata setelah Mohd Khalil rasmikan Seminar Bahasa. (28 November 1982)*

*PAK HAJI ... di Lapangan Terbang Subang bersama Dato' Abu Hassan Omar, sekembali daripada menunaikan haji di Mekah. (4 September 1988)*



# 2 Wawancara

## 13 Tahun Memimpin Kerajaan Negeri Pahang

*Penulis*: Selama 13 tahun Dato' Seri memimpin kerajaan negeri, Dato' Seri telah membawa banyak perubahan terutama dalam pembangunan negeri. Apa komen Dato' Seri?
*Mohd Khalil*: Ini memang telah banyak pihak katakan kepada saya. Untuk saya katakan sendiri yang saya telah membawa pembangunan tentulah tidak wajar, seperti "masuk bakul angkat sendiri". Namun saya banggalah, bermakna kepemimpinan saya sudah menunjukkan hasil.

Tapi, saya lebih bangga dengan hakikat bahawa telah wujud pembangunan yang seimbang di dalam negeri. *By the time I went out* (Sehingga waktu saya melepaskan jawatan Menteri Besar), saya bersyukur, tiada lagi pihak yang menimbulkan soal kemunduran yang berlaku di kawasan Pahang Barat.

Kalau kita mengambil contoh pembangunan di Lipis dan Raub, dahulu bandar-bandarnya dikenali sebagai bandar mati, tetapi tidak lagi sekarang.

Ini ekoran pelbagai projek prasarana asas yang dibawa ke daerah-daerah ini. Jalan darat dinaikkan taraf. Malah di bandar Lipis, bukan satu ... sampai dua jambatan ada di situ. Program Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Pahang Barat pula ialah satu program yang amat berkesan, yang kini berjaya menyediakan penduduk terbabit dengan sumber pendapatan yang wajar menerusi aktiviti pertanian. Pokoknya ialah, apa yang saya fikirkan ialah mencari jalan bagaimana apa sekalipun program pembangunan yang diperkenalkan, akan memberi manfaat kepada setiap rakyat jelata di negeri Pahang. Alhamdulillah, jika ada pihak yang menyatakan saya telah berjaya sebagai Menteri Besar, saya bersyukurlah bahawa hasrat saya untuk membawa kemakmuran kepada rakyat pelbagai latar belakang ekonomi dan daripada serata pelosok negeri ini, sudah berjaya.

Jangan juga lupa, di bawah kepemimpinan saya, soal keagamaan tidak dilupakan. Saya bersyukur kerana kerajaan saya berjaya meningkatkan jumlah, mutu pendidikan termasuk baik pulih fizikal sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negeri.

Dan seingat saya juga, banyak masjid didirikan dan kita boleh lihat di Kuantan sahaja, berapa banyak masjid yang ada selain masjid-masjid lama diperbaiki, yang baru terus dibina termasuk di daerah Maran dan Jerantut.

## Kejayaan Membangunkan Industri Petrokimia

*Penulis*: Ada pihak berpendapat kejayaan kepemimpinan 13 tahun Dato' Seri ialah kerana peranan Dato' Seri sebagai *catalyst* (penggerak) kepada industri petrokimia khususnya di kawasan perindustrian Gebeng.

*Mohd Khalil*: Inipun saya berasa puas hati juga. Industri petrokimia yang wujud di Pahang memang sudah mencapai tahap yang membanggakan khususnya di Pantai Timur Semenanjung.

Sesetengah pengkritik seolah-olah cuba menidakkan fakta ini lalu seolah-olahnya pula memberi gambaran industri itu wujud dengan sendirinya tanpa sebarang usaha ke arah membawa pembangunannya di negeri ini oleh kerajaan negeri sendiri. Ini tidak betul.

Saya puas hati kerana pembangunan industri ini sebahagian besarnya ialah kerana usaha kerajaan negeri sendiri yang telah melakukan segala yang terdaya hingga akhirnya berjaya menarik pelabur raksaksa seperti BASF, Eastman Chemicals, Amoco, W.R. Grace dan Kaneka Corporation, untuk melabur di Gebeng.

Malah ramai yang tidak sedar, dengan usaha kerajaan negeri, pelaburan bermakna dari Amerika Syarikat seperti menerusi Amoco, dan Eastman Chemicals telah pertama kali wujud di negara ini dengan penempatan kilang-kilang syarikat tersebut di negeri ini.

## Halangan Awal – Peruntukan Belanjawan Negeri yang Rendah

*Penulis*: Selama tempoh 13 tahun, apakah halangan-halangan yang Dato' Seri hadapi dalam membawa pembangunan ke negeri ini?

*Mohd Khalil*: Halangan awal saya ialah *budget constraints* (peruntukan belanjawan negeri yang rendah). Untuk satu jangka masa yang panjang, kerajaan negeri terpaksa bergantung penuh kepada hasil-hasil hutan dan tanah sebagai punca serta sumber pendapatan tahunannya.

Hanya sejak akhir-akhir, punca itu dipelbagaikan menerusi pelbagai pula tindakan. Memandangkan negeri Pahang besar, maka belanjawan negeri yang kecil ketika itu amat tidak membantu untuk membangunkan negeri.

Oleh itu, ia mengambil masa yang agak lama untuk membolehkan akhirnya pembangunan itu mula dirasai oleh rakyat sekelian. Daripada segi populariti, orang ramai mahu mengukur pencapaian saya sedangkan ketika itu saya rasa, saya sudah kerja cukup, cukup kuat untuk membawa pembangunan sungguhpun dengan jumlah peruntukan belanjawan negeri yang sedikit.

Hari ini bagaimanapun, daripada segi belanjawan, ia bukan lagi halangan, namun halangan bentuk baru pasti ada, yang mana ia menuruti peredaran masa dan keadaan.

## Hubungan Saling Menghormati dengan Raja Pemerintah

***Penulis:*** Salah satu faktor penting yang membawa kejayaan kepada kepemimpinan Dato' Seri ialah hubungan mesra dan saling hormat-menghormati antara Dato' Seri sebagai ketua eksekutif negeri, dengan pihak istana khususnya dengan KDYMM Sultan Pahang. Boleh Dato' Seri jelaskan?

***Mohd Khalil:*** Saya gembelingkan pendekatan yang bertunjangkan kepada konvensyen dan tradisi rakyat di negeri ini. Saya mempertahankan budaya Melayu termasuk memperakui kedudukan Raja Pemerintah yakni KDYMM Sultan Pahang serta peranan istana yang saya tahu dan sedar, betapa begitu sangat terlibat dalam kehidupan seharian rakyat.

Maka saya seharusnya dan sememangnya *went along* (menuruti) dengan corak keterlibatan istana dengan rakyat itu. Juga sebagai seorang ahli politik, memang saya utamakan prinsip-prinsip demokratik, mempertahankan Perlembagaan Negara dan sebagainya. Ini bermakna saya juga memastikan proses demokrasi seperti hasil pilihan raya yang melahirkan kerajaan yang dipilih rakyat, dapat berjalan menurut lunas-lunas prinsip demokrasi serta kehendak Perlembagaan Negara.

## Amalan *PR* yang Menarik Pelabur Asing

***Penulis:*** Hubungan mesra atau *PR* (perhubungan awam) Dato' Seri yang cemerlang khususnya dengan pelabur-pelabur asing, dilihat sebagai penggalak dan mendorong pelabur memilih Pahang sebagai tapak pelaburan. Pendekatan Dato' Seri ini juga mendapat pujian Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir. Apa komen Dato' Seri tentang kepentingan *PR* dalam hubungan dengan pelabur-pelabur asing?

***Mohd Khalil:*** Ada dua aspek dalam menggunakan *PR* demi menarik pelabur asing ke negeri ini. Yang pertama ialah dengan menggunakannya bagi memikat hati pelabur supaya dia datang melabur ke negeri ini, dan yang kedua, bila dia sudah datang, kita gunakan *PR* kita untuk menjaga dia dengan sebaik mungkin.

Saya main golf dengan mereka, adakan *periodical meetings* (perjumpaan berjadual) dan jika ada apa-apa masalah, saya perlu secara peribadi, campur tangan untuk meleraikan masalah itu. Misalnya kejadian keputusan bekalan air ke sebuah kilang di Gebeng dan soal premium tanah yang dihadapi oleh BASF. *You invited them here, so when they are here, you must treat them as your guests.* (Kita yang pelawa mereka datang ke sini, jadi apabila mereka datang ke sini, kita hendaklah melayan mereka sebagai tetamu.)

Ini bukan soal kita terlalu *accommodating* (menuruti kehendak mereka) hingga seolah-olah kita *kow-tow* (tunduk) terhadap segala kemahuan mereka. Jika mereka ini pertama kali datang melabur, mereka melabur dengan fasa pertama sebagai permulaan. Jika mereka gembira dengan segala layanan yang kita berikan, mungkin mereka akan menambahkan pelaburan dalam fasa kedua pula.

Dalam pada itu, kita perlu pastikan segala perkhidmatan sokongan harus turut diadakan seperti adanya pelabuhan yang baik lagi sofistikated, selain adanya aktiviti rekreasi atau keperluan perumahan yang mereka kehendaki.

## Keperluan Masyarakat Luar Bandar Tidak Diabaikan

*Penulis*: Bagi masyarakat luar bandar, kepemimpinan Dato' Seri telah membawa kemajuan kepada mereka dalam bentuk prasarana asas di seluruh pelosok negeri. Kemudahan asas seperti jalan, bekalan air dan elektrik, beserta kemudahan seperti ruang niaga dan kilang juga disediakan untuk menambah pendapatan mereka menerusi aktiviti ekonomi. Langkah positif ini dilihat sebagai kejayaan kerajaan negeri di bawah pimpinan Dato' Seri mengimbangi kemajuan ekonomi masyarakat bandar dan luar bandar. Komen Dato' Seri?

*Mohd Khalil*: Ini memang menjadi teras kepemimpinan saya. Kalau tadi saya katakan memang hasrat saya untuk menyeimbangkan pembangunan antara Pahang Barat dengan Pahang Timur hingga kini tiada lagi pengenalan jelas antara kedua-duanya, dalam masa yang sama saya juga menekankan tentang betapa masyarakat luar bandar tidak boleh dinafikan hak untuk menikmati pembangunan seperti mana masyarakat bandar.

Sebab itulah kita sanggup berbelanja berjuta-juta ringgit untuk menyalurkan bekalan elektrik 24 jam misalnya ke kawasan luar bandar seperti di Hulu Tembeling sekalipun. Begitu juga dengan bekalan air. Di rancangan-rancangan tanah FELDA yang paling terpencil sekalipun, kita pastikan *accessibility* (kemudahan masuk) ke kawasan itu adalah baik.

Sebab itulah seringkali, kita memperuntukkan sejumlah wang untuk memperbaiki mutu jalan yang ada. Juga di kawasan luar bandar, kita pastikan masjid-masjid dibina atau diperbaiki, begitu juga dengan kemudahan seperti bangunan sekolah, dewan orang ramai yang elok serta perpustakaan-perpustakaan kecil yang terus dibina di kawasan-kawasan ini.

Maknanya kita hendak pastikan, walau apapun kemudahan yang kita wujudkan di kawasan bandar, hendak juga kita wujudkan di luar bandar bagi manfaat rakyat juga.

## Sikap Lasak Membantu Melaksanakan Tugas

*Penulis*: Di kalangan pengamal media di negara ini, Dato' Seri juga dikenang kerana keberanian Dato' Seri berenang di Paya Bungor, *venue* untuk sukan air SUKMA 1996, bagi membuktikan dakwaan bahawa buaya yang mendiami Paya Bungor membahayakan keselamatan atlet tidak benar. Apa komen Dato' Seri?

*Mohd Khalil*: Dalam soal ini, khususnya tentang aktiviti lasak saya selama saya menjadi Menteri Besar, sifat ini memang telah saya *develop* (bina) sejak dahulu lagi. Sejak dahulu saya memang seorang *sportsman* (ahli sukan). Semasa dalam perkhidmatan luar negeri, saya ditugaskan ke negara-negara kurang maju seperti Indonesia dan Maghribi.

Kebanyakan kawasan itu *are very tough areas* (kawasan yang sukar dilalui) dengan muka bumi yang berbukit bukau, tanah tinggi, *rugged* (lasak) serta *underdeveloped* (mundur).

Selepas itu apabila pulang ke tanah air, saya ditugaskan untuk membangunkan kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) yang pada masa itu seumpama "tempat anjing bertendang". Jalan tidak sempurna, begitu juga rumah.

Semasa menjadi Menteri Besar, beberapa kali saya berjaya

mengatasi masalah Pengurus FELDA dikepung kerana peneroka tidak puas hati dengan keadaan di rancangan tanah itu. Di Bentong, satu ketika dahulu, saya telah *single-handedly* (seorang diri) menghadapi peneroka yang begitu ramai, yang melahirkan ketidakpuasan hati mereka terhadap pengurus.

Sesungguhnya, *natural terrain* (rupa bumi semula jadi) Pahang menyebabkan kita menjadi berani. Misalnya apabila kita hendak ke Kampung Bantal, di Hulu Tembeling, kita perlu ke sana dengan menaiki perahu, melalui beberapa jeram yang mencabar. Saya juga pernah mewakili satu daripada kawasan Dewan Undangan Negeri yang paling mundur ketika itu iaitu Bukit Ibam, dengan banyaknya perkampungan Orang Asli yang hanya boleh dihubungi menerusi perjalanan menaiki jip.

Saya sebenarnya suka menyelesaikan masalah secara *confrontation* (bersemuka dengan masalah). *You pull the bull by the horn.* (Melawan lembu jantan dengan menarik tanduknya.) Di LKWJ, saya pernah tinggal dengan kakitangan bawahan di rumah panjang, selama kira-kira setahun.

Dan hakikat bahawa saya memang suka berenang, tidak sukar untuk mencari jawapan kepada persoalan kenapa saya berani berenang di Paya Bungor itu.

## Tinggalkan Pahang Bukan untuk Bersara

***Penulis***: Akhir sekali, apakah perasaan Dato' Seri apabila dikehendaki meninggalkan kepimpinan di negeri sendiri untuk kembali berkhidmat dengan kerajaan pusat?

***Mohd Khalil***: Sebelum itu, suka saya katakan yang saya rasakan sumbangan saya kepada negeri sudah mencukupi untuk tempoh 13 tahun saya sebagai Menteri Besarnya.

Dalam tempoh itu saya rasa, saya sudah membentuk satu pasukan ahli exco kerajaan yang memahami apa itu yang dikatakan *collective responsibility* (tanggungjawab bersama). Saya berpuas hati bahawa sesiapa sahaja antara mereka memang layak mengambil alih tugas daripada saya.

Pelantikan Dato' Adnan menggambarkan kepercayaan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Raja Pemerintah dan juga saya, terhadapnya. Saya yakin beliau boleh meneruskan landasan pembangunan yang telah saya buat semasa tempoh saya sebagai Menteri Besar, dan pula mampu membawa beberapa pendekatan dan konsep pentadbiran yang baru pula demi memajukan lagi negeri Pahang.

Saya tinggalkan Pahang pula bukan untuk bersara, tetapi meneruskan khidmat di peringkat nasional. Seperkara yang hendak saya kata ialah penghargaan saya kepada rakan-rakan dalam kerajaan, serta juga dalam Barisan Nasional negeri seperti Dato' Seri Najib Tun Razak, Dato' Sabbaruddin Chik dan juga Dato' Lim Ah Lek, hingga menyebabkan kepemimpinan negeri dan politik saya di negeri berjalan lancar dan berkesan.

Sementelah sekarang saya seorang senator, maka saya tiada lagi punyai kawasan untuk mewakili (dulunya ahli Dewan Undangan

Negeri Lepar). Oleh itu saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada mereka yang pernah saya wakili dahulu misalnya di Bukit Ibam, Bukit Tajau dan akhirnya Lepar.

Ini khususnya sewaktu pilihan raya yang mana saya terus diterima sebagai wakil rakyat mereka. Sungguhpun saya berpindah ke kawasan baru di Lepar (pada pilihan raya 1995), saya dapat majoriti undi 8,000 yang mana ianya dikira besarlah memandangkan ianya untuk kerusi Dewan Undangan Negeri sahaja.

Kalau tentang perasaan, sama ada saya sedih atau tidak meninggalkan negeri, *you* sendiri tahukan. Perasaan saya biasa sahaja. Saya hanya menjalankan tugas seperti yang dikehendaki oleh ketua saya.

*Mohd Khalil melawat tapak industri bersama pelabur.*





*BERSAMA SULTAN ... pada majlis keberangkatan KDYMM Sultan Pahang ke daerah Jerantut pada 16 November 1998.*

*TITAH DIRAJA ... mendengar nasihat KDYMM Sultan Pahang selepas perasmian persidangan Dewan Undangan Negeri Pahang pada 15 Mac 1999.*





MENANAM BERSAMA RAJA ... turun ke sawah bersama KDYMM Sultan Pahang untuk menanam padi. (1989)

MENUAI BERSAMA ... KDYTM Tengku Mahkota Pahang bersama Mohd Khalil menuai padi di Kuala Pahang. (1998)





*MAIN AIR ... bersama KDYMM Sultan Pahang sempena lawatan Baginda ke Jerantut.*

*TENGKU AMPUAN ... sanjungan dan kenangan.*






*MENYAMBUT TENGKU AMPUAN ... bersama KDYMM Sultan Pahang membantu Tengku Ampuan Pahang turuni pesawat setelah jalani rawatan enam bulan di luar negara. Hanya 20 hari selepas tarikh gambar ini diambil (9 Jun 1988), Tengku Ampuan mangkat.*



NYANYI BERSAMA ... *lawatan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pulau Tioman pada bulan Mac 1997 turut diserikan dengan acara hiburan.*




*BERSEDIA MAIN GOLF DENGAN PELABUR.*



**MENJAMU PELABUR ...** *Mohd Khalil beramah mesra dengan pelabur asing.*



*PAKAIAN Ph.d. ... Mohd Khalil sedang dikenakan pakaian jubah untuk menerima ijazah doktor kehormat dalam pentadbiran awam dari Universiti Mindanao, Filipina pada 1 September 1996.*



*LAWAT TAPAK ... Mohd Khalil melawat tapak Pusat Pengajian Melayu, Universiti Mindanao pada 1 September 1996.*





*ANAK KEMBOJA ... lawatan ke sebuah perkampungan nelayan di Kemboja pada 7 Mei 1996. Mohd Khalil sempat mendukung anak nelayan di situ.*



*BERSAMA PEMIMPIN KEMBOJA ... Mohd Khalil menghadiri majlis di sebuah kampung di Kemboja bersama Perdana Menteri Kemboja, Samdech Hun Sen (di tengah) pada bulan Mei 1996.*


នាយករដ្ឋមន្ត្រីទី២ និង លោកជំទាវ



*BERSAMA PM DI TIOMAN ... bersama-sama Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan tokoh korporat, Tan Sri Vincent Tan di Pulau Tioman dalam gambar yang dirakam pada bulan Mac 1997.*



*PERASMIAN ... Perdana Menteri Kemboja, Samdech Hun Sen merasmikan pusat pembangunan desa sumbangan pihak swasta dari negeri Pahang pada bulan Mei 1996 sambil disaksikan oleh Mohd Khalil.*





SAMPAI HAK MILIK ...
*Mohd Khalil menyampaikan surat hak milik tanah kepada peneroka FELDA Keratong Dua, Rompin dalam satu majlis yang diadakan pada 23 Julai 1998.*

*BANGSAL TERNAKAN KAMBING JUGA DIKUNJUNGINYA.*





*GERAK DESA WAWASAN ... bersama-sama peserta Gerak Wawasan di Kampung Paya Rambutan di Kuantan pada 27 Oktober 1998.*

*MELAWAT PROJEK IKAN DALAM SANGKAR ... bersama-sama peserta Gerak Wawasan di Kampung Paya Rambutan di Kuantan pada 27 Oktober 1998.*





DENGAR TAKLIMAT ... *Mohd Khalil sedang khusyuk mendengar taklimat mengenai projek tanaman padi di Pekan.*

PANDU JENTERA ... *membajak tanah selepas merasmikan projek tanaman di tanah terbiar.*





*GOTONG-ROYONG ... membersihkan Pulau Tioman. (13 Ogos 1998)*



*Meninjau projek bekalan air di Pulau Tioman. (13 Ogos 1998)*




*AIR, AIR, AIR ... Mohd Khalil melawat mangsa banjir di Kampung Kemboja, Pekan pada 1 Januari 1999.*

# 3 Kepemimpinan Negeri

## Tempoh Awal – Program-program Menyeimbangkan Pembangunan serta Memakmurkan Rakyat Jelata

Pada majlis penyerahan tugas di pejabat Menteri Besar, Wisma Sri Pahang, Kuantan, 14 Ogos 1986, Dato' Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar ke-12, telah menyatakan keyakinan betapa penggantinya, Mohd Khalil boleh "meninggikan taraf hidup, memajukan sektor perindustrian dan membawa lebih banyak pelaburan ke negeri ini".

Keyakinan itu adalah setelah luahan rasa Mohd Khalil yang agak merendah diri mengenai jawatan barunya yang dianggap "... adalah satu cabaran yang perlu mendapatkan kepercayaan kukuh rakyat."

Majlis itu menandakan bermulanya secara rasmi era kepemimpinan Menteri Besar Pahang ke-13, Mohd Khalil.

Sekonyong-konyong itu, cabaran besar dihadapinya dalam bentuk kemelesetan ekonomi yang melanda negara. Lantas beliau mengambil langkah dengan membuat pengubahsuaian terhadap projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh kerajaan dengan menekankan keperluan untuk berjimat cermat.

"*Scrutiny* (pengawasan yang teliti). Saya suka perkataan itu – bagi memastikan segalanya berfungsi dengan berkesan, kita perlu mengawasi segala-galanya dengan teliti," katanya dalam wawancara dengan sebuah akhbar tempatan setelah 70 hari menerajui negeri.

Itulah cara beliau bertindak dan menghadapi cabaran kemelesetan ekonomi ketika itu. Beliau juga telah mewarisi defisit dalam belanjawan negeri berjumlah kira-kira RM32.2 juta dan hasil negeri sewaktu itu ialah RM175.6 juta.

Pada pembentangan pertama Belanjawan Negeri 1987 di Dewan Undangan Negeri, November 1986, beliau telah mengumumkan peruntukan belanjawan sebanyak RM414 juta, kurang 17 peratus daripada belanjawan negeri tahun 1986.

Dari jumlah tersebut, RM147 juta adalah daripada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk pinjaman serta pembayaran balik kepada Kerajaan Negeri.

# Kepemimpinan Awal Waktu Kemelesetan Ekonomi

Usaha utama beliau dalam menghadapi keadaan getir itu ialah bertindak menambah pendapatan negeri daripada sumber hasil tradisional daripada sektor perhutanan iaitu pembalakan dan tanah.

Hasil daripada sektor perhutanan ditingkatkan menerusi penyeliaan yang teliti dalam urusan pembalakan, menimbang, pemasaran serta mengurangkan pembaziran pada setiap peringkat.

Kutipan cukai hasil tanah juga diperkemaskan. Jumlah cukai tanah yang tertunggak sahaja dalam tempoh itu ialah RM2.9 juta. Menurut Mohd Khalil: "Jika jumlah tunggakan cukai tanah itu menjadi begitu besar, tuan tanah mungkin tidak akan membayarnya langsung. Oleh itu, jentera kutipan harus diperkemaskan dan rakyat digalakkan membayar cukai mengikut waktunya."

Kemelesetan ekonomi juga memberi kesan kepada peneroka FELDA di Pahang yang menduduki 41 peratus daripada jumlah keluasan tanah FELDA di seluruh negara. Harga komoditi yang rendah menjejas pendapatan bulanan mereka.

Mohd Khalil dapat menjangka bahawa masalah ini akan mempunyai kesan sosio-politik yang serius dan beliau segera membenarkan peneroka-peneroka FELDA ini bercucuk-tanam di atas tanah kerajaan yang berhampiran. Mereka diberikan Lesen Menduduki Tanah Sementara (TOL) agar mereka boleh memperoleh punca pendapatan tambahan daripada aktiviti sampingan itu.

Sebagai Menteri Besar, Mohd Khalil sentiasa menekankan soal pembangunan seimbang. Pada peringkat awal kepemimpinan Mohd Khalil, kawasan di sebelah barat Pahang seperti Lipis, Raub dan Jerantut agak terkebelakang dan satu daripada puncanya ialah ancaman komunis di kawasan itu.

Ancaman itu akhirnya tamat dengan peletakan senjata Partai Komunis Malaya. Kawasan-kawasan hitam yang sebelumnya mengalami perintah berkurung pada tempoh tertentu setiap hari telah dibebaskan daripada perintah ini.

Pembatalan perintah berkurung memudahkan pergerakan rakyat dan kerajaan negeri mengambil langkah memperbaiki rangkaian jalan agar rakyat, walau di ceruk mana sekalipun mudah dihubungi.

Selain itu, prasarana seperti bekalan air dan elektrik juga turut disediakan hingga ke kawasan pedalaman di tebing Taman Negara di Jerantut – hutan tertua di dunia.

Tumpuan Mohd Khalil bagi membangunkan bahagian barat ialah dengan menggiatkan sektor pertanian yang boleh menjadi pemangkin kepada keseluruhan pembangunan di kawasan-kawasan tersebut.

Kegiatan sektor pertanian melalui program IADP Pahang Barat, iaitu Program Pembangunan Pertanian Bersepadu di bawah Kementerian Pertanian, membolehkan golongan petani menceburkan diri dalam aktiviti pertanian serta yang berhubungkait dengannya untuk memberikan pendapatan yang agak lumayan.

Kawasan barat Pahang juga telah dikenal pasti sebagai mempunyai rizab emas yang kaya, khususnya di Raub dan Lipis.

Kerajaan negeri di bawah pimpinan Mohd Khalil telah mengambil kesempatan meningkatkan hasil daripada sumber asli ini dengan menggalakkan pembukaan lombong-lombong emas di sekitar kawasan tersebut menggunakan teknik terkini yang kurang mencemarkan alam sekitar.

Aktiviti melombong emas di daerah Lipis dan Raub telah merancakkan aktiviti ekonomi seharian di bandar Lipis dan Raub dan sekaligus memajukan kedua-dua daerah itu.

## Program Makmurkan Rakyat

Selain itu, Mohd Khalil juga memperkenalkan beberapa langkah lain untuk membangunkan negeri demi kemakmuran rakyatnya. Antaranya ialah pelancaran semula Tabung KUMIPA bulan Jun 1994 dengan peruntukan RM50 juta untuk memanfaatkan golongan miskin.

Bagi golongan usahawan pula, Tabung Usahawan Pahang telah di lancarkan oleh Mohd Khalil pada November 1995 dengan peruntukan awal RM200 juta, berperanan sebagai punca pinjaman untuk membiayai projek-projek pembangunan para usahawan di negeri Pahang.

Tabung itu bertujuan untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Dengan penubuhan tabung ini, kerajaan negeri Pahang menjadi pelopor penubuhan tabung seperti itu di peringkat negeri, meneladani fungsi Permodalan Usahawan Nasional di peringkat pusat.

Menyedari kesulitan usahawan bumiputera memiliki kedai di kawasan strategik yang mempunyai nilai hartanah yang tinggi, kerajaan negeri telah menubuhkan tabung RM200 juta pada Julai 1997, yang digunakan untuk membeli kedai-kedai berkenaan. Kedai-kedai tersebut kemudian disewa belikan kepada usahawan bumiputera yang berminat.

Contohnya, kerajaan negeri telah membeli unit rumah kedai di bandar berprestij tinggi di Gohtong Jaya, Genting Highlands untuk disewakan kepada peniaga bumiputera yang berminat.

Dengan itu, kawasan komersial yang strategik tidak dimonopoli oleh kaum bukan bumiputera semata-mata kerana kaum bumiputera tidak mampu membeli premis di kawasan tersebut.

Kerajaan negeri juga telah mengambil ketetapan tertentu dalam memastikan tanah rizab Melayu kekal dengan keluasan yang ada dan mengelak daripada ia menjadi semakin kecil.

Oleh itu, mana-mana pihak yang ingin memajukan projek di atas tanah rizab Melayu diwajibkan mengganti tanah tersebut sebelum permohonan bagi memajukan projek berkenaan mendapat kelulusan kerajaan.

"Kerajaan negeri mewajibkan pemaju untuk mengemukakan pelan pembangunan mereka bersama-sama dengan kawasan sebagai ganti rizab Melayu itu. Jika tidak, permohonan bagi projek pembangunan mereka akan ditolak," kata Mohd Khalil ketika mengumumkan ketetapan tersebut pada bulan Julai 1996.

## Pendidikan

**Dalam** sektor pendidikan pula, di bawah pentadbiran Mohd Khalil, Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang (IKIP) telah ditubuhkan, diikuti dengan penubuhan Kolej Islam Pahang (KIP).

Yayasan Pahang pula terus giat dalam mengeluarkan bantuan pendidikan kepada pelajar negeri. Sejak penubuhannya pada awal tahun 1980an, seterusnya di bawah kerajaan negeri pimpinan Mohd Khalil, hingga kini, ia telah mengeluarkan pinjaman atau biasiswa bernilai lebih RM65 juta.

Ini membuktikan betapa tingginya komitmen kerajaan negeri kepada kebajikan para pelajar dalam memberi mereka peluang melanjut pelajaran ke peringkat yang tertinggi yang mereka mampu.

Harapan kerajaan negeri agar para pelajar berjaya dalam bidang pendidikan mereka dan seterusnya membayar semula pinjaman supaya wang itu dapat digunakan semula untuk membiayai pendidikan para pelajar lain.

Selain itu, Biasiswa Kecemerlangan Menteri Besar (BKMB) diwujudkan untuk para pelajar yang memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang di peringkat pengajian menengah.

Sikap ambil berat kerajaan negeri terhadap bidang pendidikan ini juga mendorong kerajaan negeri menyumbang RM250,000 sebagai bantuan kewangan untuk pembinaan Pusat Pengajian Melayu di Mindanao State University, Bandar Marawi, Filipina. Pusat itu telah dibuka untuk pengajian bermula Mac 1997.

Mohd Khalil telah dianugerahkan ijazah doktor kehormat dalam bidang pentadbiran awam oleh universiti berkenaan, yang diterimanya pada Hari Penubuhan (*Foundation Day*) Mindanao State University pada 1 September 1996.

Beliau juga tidak mengabaikan kebajikan masyarakat minoriti Orang Asli yang jumlahnya hanya kira-kira 35,000 orang. Pada Julai 1997, beliau telah mengumumkan pembangunan rancangan tanah khusus untuk masyarakat Orang Asli. Mereka diberikan rumah beserta tanah untuk menanam tanaman komersial.

Sungguhpun pembangunan rancangan tanah Orang Asli ini belum dimulakan, namun komitmen tinggi kerajaan negeri di bawah pimpinan baru pasti akan mampu merealisasikannya juga. Insya-Allah.



MENINJAU PEMBANGUNAN KOMPLEKS SUKAN PAHANG (SUKPA).




*PECAH TANAH ... melakukan upacara pecah tanah bagi projek perindustrian.*







*APEC ... sedang mempengerusikan mesyuarat pegawai-pegawai kanan APEC ketiga di Hyatt Regency, Kuantan. (13-15 September 98)*



*BERI BANTUAN UNTUK MENGERJAKAN HAJI.*

*APA KHABAR? ... ramah-mesra dengan rakyat.*




BERSAMA PEMIMPIN ISLAM MINDANAO ... *Mohd Khalil menerangkan sesuatu mengenai foto bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Razak kepada Gabenor Wilayah Selatan Mindanao, Nur Misuari ketika melawat pameran foto perjuangan UMNO di Kuantan pada Disember 1996.*






DIRAIKAN ... *lawatan ke Universiti Mindanao, Filipina. Diraikan pada majlis makan malam. (1 September 1996)*

APA HABAQ? ... *menyambut ketibaan Dato' Seri Dr. Mahathir pada satu majlis makan malam.*




IKIP




*POTONG RUMPUT ...
semasa gotong-royong
di Kg. Chenur Seberang,
Maran. (14 Jun 1993)*



*PADA KONVOKESYEN IKIP.*



*ADNAN GANTI SAYA ... Mohd Khalil berbual dengan Dr. Koh Tsu Koon selepas taklimat pembangunan negeri diberikan kepada pelawat. (3 April 1993)*

# 4 Kepemimpinan Negeri

## Pembangunan Industri dan Pembelian Kumpulan RHB

**Sektor** industri di bawah pimpinan dinamik Mohd Khalil giat berkembang ekoran tindakan serta langkah-langkah proaktif yang diperkenalkan.

Antara langkah-langkah itu ialah penubuhan "One-Stop-Agency" (OSA) dengan urus setianya di Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP). Di sini, jabatan dan agensi kerajaan terbabit akan bertemu untuk menilai keperluan bakal pelabur dan seterusnya berusaha mempercepatkan keperluan khusus seperti prasarana yang diminta dan juga mempercepatkan proses kelulusan permohonan pelabur berkenaan.

Dalam hal ini, OSA mengenakan ketetapan agar keputusan mengenai kelulusan setiap cadangan pelaburan diberi dalam tempoh tiga minggu daripada tarikh permohonan dikemukakan.

Pihak-pihak berkuasa tempatan pula diarah mempercepatkan urusan khususnya dalam pengeluaran Sijil Layak Menduduki (CF) bagi bangunan kilang yang baru didirikan.

Arahan ini mendapat reaksi yang menggalakkan hinggakan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) berjaya meluluskan CF untuk bangunan milik syarikat multinasional, Amoco Chemical (M) Bhd di Gebeng, Kuantan, hanya dalam tempoh sehari.

## Pelaburan

**Langkah-langkah** positif dan proaktif ini membuahkan hasil dengan jumlah pelaburan asing terkumpul sehingga akhir 1998 mencecah RM7,300 juta berbanding angka sedikit sahaja (*negligible*) pada peringkat awal Mohd Khalil memimpin negeri.

Apabila dicampur dengan pelaburan oleh pelabur tempatan, jumlah itu mencecah hingga RM10,400 juta, dengan keupayaan mewujud peluang pekerjaan kepada 42,000 orang.

Antara syarikat-syarikat asing yang telah melabur di sini ialah syarikat gergasi antarabangsa BASF dan Eastman Chemical (M) Bhd.

Di bawah pentadbiran Mohd Khalil juga, projek pembinaan kilang simen di Bukit Sagu dihidupkan kembali dengan majlis tandatangan perjanjian usaha sama antara kerajaan negeri dengan YTL Industries Berhad pada Disember 1993.

Projek bernilai RM700 juta di kawasan seluas 200 ekar dengan simpanan batu kapur 90 juta tan metrik, telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Jun 1997.

Pada majlis itu, Perdana Menteri telah memuji secara terbuka akan kepemimpinan berkesan Mohd Khalil khususnya daripada aspek *PR*nya, hingga menyebabkan pelabur asing berasa senang hati untuk melabur di negeri ini.

Selain itu, pendekatan makroekonomi dalam mentadbir negeri telah meninggalkan kesan yang besar kepada pembangunan negeri pada keseluruhannya.

## Kelebihan Daya Bersaing

**Mohd Khalil** menyedari setiap daerah di negeri ini tidak mempunyai persamaan tertentu sahaja. Setiap daerah mempunyai keistimewaan masing-masing. Oleh itu, pendekatan dalam membangunkan daerah-daerah itu juga hendaklah secara berasingan.

Beliau memperkenalkan usaha membangunkan perindustrian di negeri ini menurut zon-zonnya, bersandarkan kepada *competitive edge* atau kelebihan daya bersaing yang dikenal pasti ada pada daerah-daerah itu.

Oleh itu diwujudkan zon industri kimia dan petrokimia di Gebeng dan barangan elektrikal di Gambang, kedua-duanya di Kuantan; zon automatif di Pekan; zon industri berasaskan tanah liat di Rompin dan zon industri berasaskan perhutanan di Kuala Lipis.

Kepemimpinan Mohd Khalil juga dikenang kerana kejayaan mengemudi pasukan perundingnya dalam mendapatkan penguasaan ke atas konglomerat kewangan negara, Kumpulan RHB melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) yang turut dipengerusikannya.

Sebelum itu, proses perundingan berjalan dengan penuh rahsia hingga kesaat akhir penguasaan tersebut, barulah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dimaklumkan mengenainya.

## PKNP Kuasai RHB

**Pada** 30 November 1998, termeterailah perjanjian antara PKNP dengan Kumpulan RHB, membolehkan PKNP menguasai 29 peratus ekuiti di dalam Kumpulan RHB.

Perjanjian bersejarah itu berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Mohd Khalil mewakili PKNP manakala Pengerusi Eksekutif Kumpulan RHB, Tan Sri Rashid Hussain, mewakili kumpulan itu.

Ekuiti 29 peratus itu menjadikan PKNP sebagai pemegang saham tunggal terbesar dalam Kumpulan RHB. Ini dicapai tanpa memerlukan PKNP mengeluarkan wang sesenpun.

PKNP hanya perlu menyuntik sebahagian tertentu harta yang dimilikinya berjumlah RM530 juta ke dalam Kumpulan RHB, sebagai tukaran ekuti 29 peratus berkenaan.

Suntikan ini dianggap kecil kerana ia dilakukan berdasarkan persetujuan PKNP "membeli" saham baru sebanyak 189.3 juta unit dalam Kumpulan RHB dengan harga RM2.80 seunit. Harga pasaran saham seunit sebelum kaunter Kumpulan RHB di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) digantung sementara ialah RM3.04.

(Ketika buku ini ditulis, harga saham Kumpulan RHB mencatat RM4.18 seunit sewaktu urusan di BSKL tutup pada 11 Jun 1999. Ini bermakna nilai saham 29 peratus PKNP itu meningkat kepada RM791.3 juta iaitu melebihi RM261.3 juta dari nilai belian asal RM530 juta.)

Harta-harta PKNP yang disuntik ke dalam Kumpulan RHB ialah 70.8 peratus daripada yang dimiliki oleh Pasdec Holdings Bhd, bernilai RM230 juta; 32.2 peratus daripada Far East Holdings Bhd bernilai RM60 juta; 100 peratus daripada Pascorp Paper Industries Sdn Bhd bernilai RM42 juta; 70 peratus daripada Hughway Bricks Group Bhd bernilai RM70 juta; 100 peratus daripada United Mal-Jap Air Condition Sdn Bhd bernilai RM92 juta; dan 84 peratus daripada Femco Technology Ltd bernilai RM36 juta.

Harta tersebut tidak sampai 30 peratus daripada keseluruhan harta yang PKNP miliki, dan harta-harta ini pula diperoleh hasil penggembelingan PKNP sejak sedekad lepas di bawah kepemimpinan Mohd Khalil.

Kejayaan memperoleh pegangan dalam Kumpulan RHB bukanlah sesuatu yang boleh dianggap remeh sementelahan banyak pihak menginginkan "deal" yang sebegini, cuma gagal ekoran kelemahan diri sendiri.

Rashid Hussain sendiri mengakui perkara ini dengan menyingkapkan betapa beliau turut menerima tawaran termasuk dari luar negeri yang sesetengahnya "very tempting".

Bagaimanapun katanya, penandatanganan perjanjian dengan PKNP berdasarkan hakikat bahawa perbadanan itu mempunyai rekod kerja dan gaya yang cemerlang, begitu juga dengan haluannya di bawah kepemimpinan Mohd Khalil.







LAWATAN KE JEPUN ... diperkenalkan sebelum dialog Malaysia/Jepun sempena turuti lawatan rasmi Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Jepun pada Mac 1997.

MISI PELABURAN ... bersama dalam rombongan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz pada 4 April 1991.





*APA YANG MELUCUKAN ... sewaktu bersama rombongan PM ke Jepun.*



*Semasa memberi taklimat pelaburan sempena misi pelaburan Pahang ke Amerika Syarikat. (19 Nov-1 Dis 1997)*

*TANDATANGAN ... perjanjian sewa beli tanah industri Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan antara PKNP dan Flexsys Chemicals (M) Sdn Bhd di Hotel Hyatt Regency, Kuantan pada 19 November 1998.*



MESYUARAT DEWAN ... *ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Pahang di Hotel Hyatt Regency, Kuantan pada 27 April 1999.*




SARUNG TANGAN ... *mencuba sarung tangan yang bahan kimianya diusahakan oleh Kaneka Corporation.* (Disember 1998)






*PECAH TANAH TAPAK KILANG FLEXSYS DARI BELGIUM. (Ehsan PKNP)*



*RASMI ... Mohd Khalil menekan butang menandakan perasmian kilang Kaneka Corporation di Gebeng. (Ehsan PKNP)*


Datang
LCOME T
FF
PE
PRIL




*PELABUR JEPUN ... bersama Pengarah Eksekutif Kanan Kaneka Corporation, Encik Masatoshi Takeda yang mengunjungi Mohd Khalil di PKNP. (3 Disember 1998)*



*PADA PERASMIAN PAHANG CEMENT SDN BHD.*



EKORI PEMIMPIN ... *bersalam-salaman dengan hadirin semasa perasmian Malaysia Electric Corporation (MEC) di Gambang, Kuantan.*






*PERJANJIAN RHB ... dengan perjanjian ini, PKNP miliki 29 peratus ekuiti dalam Kumpulan RHB. (Ehsan PKNP)*




*TOPI KELEDAR KUKUH ... bersama tokoh korporat Amerika, Bruce E. Moore. (17 Jun 1995)*





*MAIN RIM BASIKAL ... semasa menyertai Hari Keluarga Persatuan Kebajikan Anak-anak Pahang (PEKAP) di Kuala Lumpur pada 5 Jun 1989.*

# 5 Kepemimpinan Negeri

## Penjagaan Hutan, Alam Sekitar dan Pembangunan Tanah Tinggi

**Kerajaan** negeri di bawah Mohd Khalil juga menitikberatkan soal pemeliharaan hutan. Oleh itu, pelbagai langkah telah diperkenalkan termasuk peruntukan tertentu juga telah ditetapkan.

Pada September 1992, RM40 juta telah diluluskan bagi melaksanakan projek tanaman semula hutan sebagai usaha mengekalkan sumber hutan tersebut. Peruntukan itu termasuk bagi merawat hutan serta menanam pokok di kawasan-kawasan tebing tinggi untuk mengelakkan hakisan.

"Projek tanaman semula adalah penting kerana hutan simpan yang mempunyai pokok balak melebihi 50 tahun perlu diganti dengan tanaman lain," kata Mohd Khalil kepada pemberita ketika mengumumkan peruntukan RM40 juta itu.

Pada Januari 1993, selain daripada hutan simpan yang sedia ada, 12,000 hektar tanah negeri juga diwartakan sebagai hutan simpan. Ini bagi memastikan kuota tebangan balak tahunan yang ditetapkan sebanyak 12,240 hektar oleh Majlis Perhutanan Negara dapat dipatuhi. Sebelum itu, 40,000 hektar tanah negeri telah diwartakan sebagai hutan simpan.

Pada Jun 1993 pula, Kumpulanwang Pembangunan Hutan Negeri Pahang ditubuhkan bagi membiayai kerja-kerja pengurusan dan pembangunan hutan di negeri ini. Dengan ini, Dewan Undangan Negeri perlu memperuntukkan sejumlah wang yang diperlukan oleh Kumpulanwang ini secara tahunan.

Selain itu, semua ses pembangunan hutan yang dipungut, disalurkan ke dalam Kumpulanwang ini bagi memperkukuhkan kedudukan kewangannya untuk memenuhi keperluan pembangunan hutan negeri.

# Tadahan Air

**Langkah** pemeliharaan hutan diharap dapat mengekalkan kawasan tadahan air yang menjadi punca kepada sumber air di negeri ini. Kawasan yang dianggap luas ini juga berpotensi, menurut pendapat Mohd Khalil, menjadikan Pahang pembekal air.

Setakat ini, Pahang telah membekal air ke Negeri Sembilan. Negeri-negeri lain seperti Selangor, Johor, Perak dan negara Singapura menunjuk minat untuk membeli air dari negeri ini.

"Kita berharap Pahang akan menjadi negeri pembekal air terbesar di negara ini dalam tempoh 15 dan 20 tahun akan datang," kata Mohd Khalil pada Jun 1996.

Pada Julai 1997, langkah tambahan diperkenalkan dengan mewajibkan pemaju projek di kawasan sensitif menjalankan kajian penilaian kesan persekitaran.

Projek yang membabitkan keluasan 2.5 hektar juga dimestikan membuat kajian penilaian kesan alam sekitar walaupun di bawah undang-undang yang ada, hanya kawasan membabitkan keluasan 50 hektar dan ke atas sahaja diwajibkan berbuat demikian. Kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai sensitif termasuklah tanah tinggi, pulau, tasik dan sungai.

Dengan langkah-langkah ini, sasaran Mohd Khalil untuk memastikan 51 peratus keluasan negeri dilitupi hutan pada setiap masa, sudah tercapai.

Bersandarkan kepada ketetapan 51 peratus itu maka pembangunan di kawasan tanah tinggi khususnya di Bukit Fraser, Cameron Highlands dan Bukit Tinggi dilakukan dengan penuh hati-hati.

Apa-apa pembangunan mesti terlebih dahulu melepasi syarat-syarat penggunaan tanah yang ketat di bawah kerajaan negeri pimpinan Mohd Khalil.

Beliau memberi perhatian yang berat tentang soal ini dan telah mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi yang dipengerusi oleh dirinya sendiri.

Satu perkara yang mustahak yang ditetapkan ialah mana-mana projek pembangunan di kawasan tanah tinggi harus terlebih dahulu melalui Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), dan setelah kerajaan berpuas hati dengan laporan penilaian tersebut, barulah projek itu boleh dilaksanakan.

Contohnya pembangunan kawasan tanah tinggi terbaru di Bukit Tinggi, Bentong telah memenuhi syarat ketat khususnya tentang kemestian mempunyai laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar. Ini penting kerana pembangunan kawasan itu membabitkan keluasan 405 hektar.

Pembangunan di Bukit Tinggi adalah menurut *terrain* asal yang terdapat di situ. Oleh itu, aktiviti menarah muka bumi yang berbukit bukau itu telah berjaya diminimumkan dan seboleh mungkin, menuruti bentuk muka buminya.

Maka tidak hairanlah jika pembangunan Bukit Tinggi menerima pujian pemimpin negara khususnya semasa satu rombongan kabinet kerajaan yang diketuai oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melawatnya, termasuk ke Taman Teh Jepun (*Japanese Tea Garden*) yang dibina di kawasan *resort* di situ.



KAYUH SAMPAN JALUR ... *semasa meninjau pembangunan Tasik Cini, Pekan.*



*TAWA DI TAMAN TEH JEPUN, BUKIT TINGGI, BENTONG.*


TINGGINYA ... *meninjau setelah merasmikan Hari Perhutanan Sedunia peringkat negeri di Hutan Simpan Ibam. (30 September 1993)*

PALU GONG ... *memalu gong merasmikan Pesta Malaysia Negeri Pahang di Kuala Lumpur. (19 September 1991)*





*PUTAR-PUTAR ... main gasing sambil Dato' Sabbaruddin memerhati. (Cherating, 7 Mei 1991)*




*MOU ... serah-menyerah MOU untuk kerjasama pelancong Pahang/Terengganu/Johor pada 18 Februari 1993.*



*DEMI KESELAMATAN ... mengenakan topi keledar setelah merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya peringkat negeri. (21 Februari 1989)*

# 6 Isu-isu Kepemimpinan Negeri

## Pembalakan Haram

**Sepanjang** 13 tahun Mohd Khalil menerajui kerajaan negeri, pelbagai isu dihadapinya. Namun dengan kepintaran serta corak kepimpinannya yang berkesan, isu-isu itu berjaya ditangani seterusnya diatasi dengan jaya.

Antara isu yang dihadapi ialah soal pembalakan haram yang dikatakan berleluasa sebelum beliau menerajui kerajaan negeri dan beliau mengorak langkah tegas untuk mengatasinya.

Antara langkah itu ialah keputusan kerajaan negeri menerima-pakai Akta Perhutanan Negara (Pindaan)(Menerima-pakai) 1993 khususnya peruntukan mengenai penjara maksimum 20 tahun kerana kesalahan pembalakan.

Pahang merupakan negeri pertama menerima-pakai sepenuhnya akta tersebut setelah Dewan Undangan Negeri meluluskannya pada Disember 1995.

Sungguhpun Sarawak lebih dahulu menerima-pakai akta itu namun negeri itu hanya menetapkan hukuman penjara maksimum lima tahun bagi kesalahan tersebut. Sebelum pindaan, akta itu hanya mengenakan penjara maksimum tiga tahun.

Akta ini juga mengenakan denda RM500,000 berbanding sebelum pindaan, denda yang dikenakan cuma RM10,000.

"Pembalakan haram di sesetengah negara luar telah berjaya dibendung ekoran pengenalan undang-undang yang tegas sepertimana Akta Perhutanan Negara 1993 ini," kata Mohd Khalil kepada media selepas persidangan Dewan Undangan Negeri itu.

## Penggunaan Helikopter

**Selain** mengambil langkah daripada segi undang-undang, kerajaan negeri juga mengambil langkah praktikal bagi membanteras gejala pembalakan haram. Pada bulan November 1996, Mohd Khalil telah

mengumumkan keputusan kerajaan negerinya memberi kebenaran kepada pejabat-pejabat tanah daerah untuk menyewa helikopter bagi kerja-kerja pemantauan dari udara.

Fokus pemantauannya ialah pada aktiviti-aktiviti penerokaan haram di kawasan-kawasan rizab hutan dan bukit-bukau. Sebelum itu, Jabatan Perhutanan Negeri juga diberi kebenaran untuk menggunakan perkhidmatan helikopter untuk tujuan yang sama.

"Aktiviti-aktiviti ini (pembalakan haram) selama ini didapati sebagai penyumbang kepada kejadian-kejadian hakisan tanah," katanya.

## Denda

Seriusnya kerajaan negeri pimpinan Mohd Khalil dalam usaha membanteras pembalakan haram tidak boleh dipertikaikan. Sebelum Akta Perhutanan Negara 1993 diterima-pakai, pihak berkuasa negeri telah mendenda sebuah syarikat pembalakan RM4 juta kerana kesalahan melakukan pembalakan haram di kawasan seluas lebih 500 hektar di Lipis, pada tahun 1992.

Syarikat itu dikesan menjalankan kegiatannya ketika pasukan penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri mengadakan rondaannya.

Perkara yang mengejutkan tentang aktiviti pembalakan haram ini ialah penglibatan syarikat-syarikat pembalakan yang telah diberi konsesi membalak di kawasan-kawasan tertentu.

Syarikat-syarikat tersebut telah melakukan pembalakan secara tidak sah di sepanjang laluan memasuki kawasan konsesinya. Kawasan yang dibalak adalah begitu luas dan dianggap tidak logik jika sekadar membina laluan ke kawasan konsesi tersebut.

Menyedari gejala ini, kerajaan negeri telah menetapkan bahawa syarikat yang diberi konsesi bukan sahaja ditetapkan kawasan konsesinya malah ditentukan juga laluan darat ke kawasan konsesi tersebut.

Tindakan ini telah berkesan mengelak aktiviti pembalakan haram oleh syarikat yang kelihatan terbabit secara sah dalam aktiviti pembalakan.

Kerajaan negeri juga telah berusaha meminta Jabatan Perhutanan menambah pegawai penguat kuasanya serta kenderaan dan peralatan yang diperlukan bagi memudahkan kerja pengawasan di hutan.

Keberkesanan langkah-langkah ini telah berjaya membendung gejala aktiviti pembalakan haram yang berleluasa sebelum ini.


Singapore charts tourism strategy: P8
Place to be dazzled by puzzle: P8
Caring for the environment: P9
Arts students can pursue Science: P6
APPOINTMENTS
TODAY
130 drown while fleeing Sri Lanka: P21
Deng's heirs display unity: P22

# New Straits Times

ESTABLISHED 1845

## Dr M: Death of Deng is a great loss to China and the world

PM: Environment will be considered in building highway linking hill resorts

## Minimal highland development

By Ashraf Abdullah, Sarban Singh and Hayati Hayatudin

MUKA DEPAN ... *akhbar paparkan gambar Mohd Khalil dengan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena lawatan ke Genting Highlands.*

BERSAMA PEMIMPIN ... *pada jamuan makan malam sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Pahang, di Dewan Konvensyen, Jalan Teluk Sisek, Kuantan. (Jun 1998)*



HARI KELUARGA ... *bersalaman dengan wakil rakyat semasa menghadiri Hari Keluarga ADUN Pahang di De Rhu Resort, Kuantan pada 16 Mei 1999.*




ASTANA
GOLF RESORT



*APA YANG DITAWAKAN TU ... ketika bersama-sama peneroka FELDA Ulu Jempol, Maran. (10 Julai 1991)*

*APA JADI? ... Mohd Khalil meninjau projek perumahan terbengkalai. (12 Mei 1992)*



*BARANGAN TEMPATAN? ... mencuba basikal dengan Dato' Chua Jui Meng selepas merasmikan Pameran Perdagangan Antarabangsa di Kuantan pada 25 Jun 1994.*



*TIKET, TIKET ... berada di dalam bas semasa menyertai Kempen Keselamatan Jalan Raya peringkat negeri pada 13 April 1991.*



*TOLONG CHECK ... berbaring setelah merasmikan Hari Kesihatan Sedunia peringkat negeri di Maran. (21 Januari 1993)*

# 7 Isu-isu Kepemimpinan Negeri

## Imuniti Raja-raja

**Mohd Khalil** telah menunjukkan ketokohannya sebagai seorang Menteri Besar apabila berjaya menghadapi dan menangani isu imuniti Raja-raja dengan jayanya.

Sungguhpun kredit tidak boleh diberikan secara terus kepadanya ekoran keputusan Majlis Raja-raja ke-159 pada 10 dan 11 Februari 1993 yang dipengerusikan oleh KDYMM Sultan Pahang, yang mengambil keputusan untuk menyelesaikan isu itu, namun sebagai Menteri Besar, sumbangannya di sebalik tabir mempunyai kesan yang penting.

Dalam menghadapi isu ini, beliau dilihat lebih menyebelahi Raja-raja khususnya KDYMM Sultan Pahang, daripada "boss"nya iaitu Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang mahukan Raja-raja akur segera kepada pindaan Perlembagaan Negara tentang imuniti Raja-raja.

Antara lain, pindaan itu ialah mengenai pemansuhan imuniti Raja-raja daripada pendakwaan di mahkamah. Sebelum itu, Raja-raja menikmati imuniti daripada sebarang pendakwaan di mahkamah terbuka.

Ekoran pendiriannya itu, Mohd Khalil telah dikecam oleh banyak pihak dan menghadapi serangan daripada media cetak yang sengaja menyiarkan berita hampir saban hari, menghentam kepemimpinannya di negeri khususnya yang berkaitan dengan sektor pembalakan di negerinya.

Ketika itu, Mohd Khalil seolah-olah terpaksa menentang arus tetapi beliau mempunyai keyakinan penuh terhadap pendiriannya dan apa yang dilakukannya.

## Orang Perantara

**Pada** 20 Januari 1993, Mohd Khalil telah membuat kenyataan meminta Raja-raja akur dengan keputusan Dewan Rakyat, sehari sebelumnya lalu memberi pertimbangan ke arah menyetujui pindaan Perlembagaan Negara mengenai isu berkenaan.

Menurutnya, hakikat bahawa Dewan Rakyat telah meluluskan pindaan akta berkenaan termasuk syarat menubuhkan mahkamah khas, patut menggalakkan Raja-raja memikir secara mendalam untuk bersetuju dengan pindaan itu.

"Kita telah dimaklumkan bahawa persoalan tentang mahkamah khas timbul hasil pertemuan Raja-raja dengan wakil-wakil kerajaan yang diketuai oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad."

"Sementelah akta itu memasukkan soal penubuhan mahkamah khas, ia menggambarkan bahawa usaha untuk menyesuaikan (kehendak Raja-raja) telah dilakukan dan Raja-raja patut fikirkan langkah-langkah untuk menyetujuinya," katanya.

Pada 10 Ogos 1993, Dewan Undangan Negeri Pahang meluluskan Undang-undang Tubuh Pahang (Bahagian Kedua)(Pindaan) 1993 yang antara lain membatalkan Perkara 10 Undang-undang Tubuh itu bagi menarik balik kuasa yang diberikan kepada KDYMM Sultan untuk memutuskan soal portfolio para ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri.

Ketika membentangkan undang-undang itu Mohd Khalil berkata, portfolio setiap ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri akan diputuskan menerusi proses pentadbiran ekoran pindaan tersebut.

Segala-galanya adalah sejarah kini. Dengan pendekatan Mohd Khalil yang mengendalikan isu seperti "menarik rambut dari dalam tepung agar rambut tidak putus, tepung tidak berselerak", hubungan Mohd Khalil dengan KDYMM Tuanku bukan sahaja bertambah akrab malah Dato' Seri Dr. Mahathir dilihat seperti menaruh lebih keyakinan kepada kepemimpinannya di negeri Pahang.



*MAIN PANTAI ... apa agaknya yang dikatakan KDYMM Sultan Pahang semasa rehat pada pesta pantai di Teluk Chempedak, Kuantan.*

*MENYANYI BERSAMA ... yang lain tak ikut serta?*



*BERSAMA KE BAWAH DULI TUANKU ... meninjau mangsa ribut Kuala Pahang. (20 Oktober 1998)*











MB PENGGAL KE-3 ... *menerima watikah pelantikan daripada KDYMM Pemangku Raja Pahang pada 3 Mei 1995.*

GORENG AYAM ... *menyaksikan KDYMM Sultan Pahang menggoreng ayam semasa lawatan rasmi Baginda ke daerah* Lipis. (Mei 1999)

# 8 Isu-isu Kepemimpinan Negeri

## Alam Sekitar, Bencana Alam dan Kematian Tragis

Dalam menghadapi isu alam sekitar, Mohd Khalil terpaksa berhadapan dengan soal pencemaran Tasik Cini akibat pembinaan empangan yang lebih tinggi daripada yang diarahkan, merentangi Sungai Cini, hingga menyebabkan paras air tinggi lalu melimpahi kawasan hutan persekitaran.

Ekoran itu, sebahagian tertentu kawasan hutan di situ pupus atau tercemar kerana limpahan air yang bersifat asidik disebabkan air yang terkepung serta spesis tumbuhan hutan yang mati lalu tenggelam ke dasar tasik dan sungai berkenaan.

Pada 8 April 1997, beliau telah mengarahkan keja-kerja mengembalikan paras air Tasik Cini kepada asal dilakukan dengan segera. Kerja-kerja dimulakan dengan pembekalan empat pam air untuk menyedut keluar air yang berlebihan.

Seterusnya, bahagian atas empangan itu ditarah kepada paras yang sewajarnya, yang telah menurunkan paras air di sungai dan tasik berkenaan.

Empangan itu yang bernilai RM1 juta, dibina pada tahun 1994 bertujuan untuk menaikkan paras air Sungai Cini bagi membolehkan pengusaha bot membawa pelancong melaluinya dengan lancar untuk sampai ke Tasik Cini.

Sebelum itu, perjalanan dengan bot tidak lancar kerana ada bahagian tertentu di sungai itu cetek, dan pelancong perlu turun dari bot, menolaknya kemudian menaiki bot semula apabila sampai ke bahagian sungai yang lebih dalam.

Dalam menangani isu alam sekitar juga, kerajaan negeri Mohd Khalil pada Januari 1996, telah mengambil keputusan menangguhkan kelulusan lebih 20 projek pembangunan tanah tinggi di negeri itu.

Ia ekoran kerajaan negeri tidak berpuas hati dengan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) oleh pemaju-pemaju terbabit. Sungguhpun kelulusan diberi pada tahun 1995, kata Mohd Khalil, pemaju telah gagal mengemukakan laporan EIA yang menyeluruh dan memuaskan.

Antara projek itu ialah untuk membangunkan taman perumahan, tapak industri dan komersial, serta skim pertanian bersepadu di kawasan tanah tinggi tertentu.

Pada 19 Jun 1997, kerajaan negeri Mohd Khalil juga telah meminta syarikat Newsprint Industries Sdn Bhd – pemilik kilang pulpa dan kertas bernilai RM3,000 juta di Mentakab, supaya mengemukakan kepada kerajaan negeri butiran lebih terperinci tentang langkah-langkah kawalan pencemaran projek itu.

Kerajaan negeri, menurut Mohd Khalil, memerlukan maklumat lanjut tentang kerja-kerja pelepasan sisa buangan kilang itu ke Sungai Pahang yang berdekatan.

Beliau juga telah meminta seorang pegawai dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ditempatkan secara tetap di Mentakab untuk memantau perjalanan serta operasi kilang itu.

Tugasnya ialah untuk memastikan syarikat akur dengan kesemua syarat yang ditetapkan di bawah laporan EIA kilang itu, kata Mohd Khalil setelah melawati tapak binaan projek itu yang menerima bantahan penduduk tempatan.

## El Nino

**Pada** awal tahun 1998 pula, kerajaan negeri terpaksa menghadapi bencana kebakaran tanah gambut di beberapa daerah khususnya di Kuantan dan Pekan, berikutan fenomena El Nino yang melanda negara.

Sebagai usaha menanganinya, pelbagai langkah diambil termasuklah membanjirkan kawasan-kawasan yang mengalami kebakaran tanah gambut itu yang dikesan di 13 kawasan yang berasingan dengan keluasan kira-kira 243 hektar.

Akhirnya bencana itu reda ekoran langkah-langkah kerajaan negeri, dibantu pula dengan perubahan kepada cuaca yang membawa hujan lebat, membantu memadamkan kebakaran tersebut.

## Kematian Tragis

**Kematian** tragis Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Batu Talam, Dato' Mazlan Idris, yang mayatnya hanya dijumpai pada 22 Julai 1993, ialah satu lagi peristiwa hitam yang dialami kerajaan pimpinan Mohd Khalil.

Peristiwa itu juga telah menggemparkan seluruh negara. Ia angkara pasangan bomoh Mona Fandey dan Afendi Abdul Rahman, bersama pembantu mereka, Juraimi yang telah membunuh Allahyarham dengan begitu kejam.

"Kehilangan Allahyarham Mazlan tentunya satu kehilangan pada negeri ini. Dia bukan sahaja muda tetapi mengetuai salah satu daripada agensi kerajaan negeri di Pasdec Corporation," kata Mohd Khalil yang bergegas ke Raub dari Kuantan pada awal pagi setelah diberitahu mengenai penemuan mayat Allahyarham Mazlan di sebuah kebun di Hulu Dong.




PELAN STRUKTUR ... *mahu menyaksikan pembangunan bandar yang teratur dan punyai pendekatan mesra-rakyat.*



KEMPEN ... *merasmikan Kempen Pemilikan Rumah peringkat negeri Pahang di Berjaya Megamall, Kuantan. (1999)*



TINJAU KELENGKAPAN ... *meninjau kelengkapan bomba selepas merasmikan Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Rompin pada 17 Oktober 1998.*







*TANYA KHABAR ... menanyakan khabar pada mangsa banjir. (1 Januari 1999)*

*CUKUP BARANG DAPUR ... semasa lawatan banjir ke Kampung Kemboja, Pekan. (1 Januari 1999)*







TUNGGU JENAZAH ... bersama-sama rakyat menantikan jenazah Allahyarham Mazlan (Julai 1993)



PENEMUAN MENGGERUNKAN ... Mohd Khalil sedang menyaksikan penemuan mayat Allahyarham Mazlan. (Ehsan The Star)

# 9 Isu-isu Kepemimpinan Negeri

## Rumah Pangsa Bandar Indera Mahkota, Kerenah Peneroka dan Prasarana

**Kerajaan** negeri di bawah Mohd Khalil juga menghadapi isu yang memerlukan keputusan yang praktikal dan pantas seperti kejadian keretakan pada rumah pangsa di Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Pada Julai 1995, Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri mengesahkan bahawa Blok N rumah pangsa berkenaan tidak selamat didiami selepas berlaku runtuhan pada galang bantuan (*supporting beam*) di tingkat dua blok itu. Ekoran itu, 500 penghuni terbabit dipindahkan segera ke projek perumahan baru di Sungai Isap, Kuantan.

JKR juga mendapati berlaku kerosakan struktur pada baki 16 lagi blok di situ, dan langkah perpindahan dilihat sebagai yang paling wajar dilakukan demi keselamatan penduduk terbabit.

Perumahan Bandar Indera Mahkota itu mengandungi 17 blok rumah pangsa lima tingkat dengan 1,360 unit, serta 566 rumah teres setingkat.

Satu perkara menarik tentang isu ini ialah cara Mohd Khalil menanganinya. Jika dikaji latar belakang projek pembinaan perumahan ini, pihak yang meluluskan pelan perumahan ini adalah kerajaan negeri sebelum beliau dan ianya dilaksanakan sebelum beliau menerajui kerajaan negeri pada Ogos 1986.

Namun Mohd Khalil tidak lepas tangan dan bersedia memenuhi tanggungjawabnya untuk menyelesaikan masalah ini. Beliau tidak "menuding jari" menyalahkan mana-mana pihak walaupun kerosakan berpunca daripada kelemahan struktur rumah pangsa tersebut; perkara asas yang patut diambil kira dalam projek pembinaan.

Kerajaan negeri lalu memindahkan penduduk terbabit dan memutuskan bahawa bangunan yang diisytiharkan tidak selamat itu akan kelak dirobohkan dan diganti dengan bangunan bertaraf komersial memandangkan nilai semasa yang tinggi di kawasan tanah itu.

## FELDA

**Pelbagai** masalah yang dihadapi oleh para peneroka di rancangan tanah FELDA juga diambil berat dan cuba dihadapi serta diselesaikan oleh Mohd Khalil sendiri. Contohnya, beliau telah menjadi perantara dalam kejadian peneroka mengurung pengurus mereka di pejabat rancangan kerana tidak puas hati tentang beberapa perkara.

Kerapkali beliau pergi bersendirian, tidak kira siang atau malam, menghadapi para peneroka yang berada dalam keadaan emosional dan kemarahan yang meluap-luap terhadap pengurusan FELDA yang tidak mereka senangi dalam pelbagai perkara di rancangan tanah masing-masing.

Beliau berjaya dalam hal ini untuk meredakan keadaan. Pengurus berjaya dilepaskan dan peneroka pula berasa lega. Masalah mereka pula berjaya diatasi dengan Mohd Khalil sendiri membawa pelbagai sungutan dan rungutan itu untuk diselesaikan oleh pengurusan FELDA di peringkat pusat.

Pada 26 November 1992 pula misalnya, beliau terpaksa bergegas ke rancangan tanah FELDA Sungai Nerek, Maran dan mengadakan perjumpaan dengan para peneroka ekoran kejadian peneroka menyerang lima pegawai dan anggota polis bantuan FELDA (Felsco).

Mohd Khalil memberi para peneroka di situ satu jalan penyelesaian dengan memberi jaminan bahawa FELDA akan memberi bayaran hasil getah lima kali seminggu berbanding tiga kali seminggu yang telah dilaksanakan sejak awal bulan tersebut, dan dikenal pasti sebagai punca kejadian serangan itu.

Bagaimanapun beliau mengingatkan para peneroka agar tidak lagi bertindak menurut perasaan dan beliau berharap agar pihak FELDA dapat berunding dengan peneroka terlebih dahulu sebelum melakukan apa-apa perubahan khususnya dalam soal pembayaran hasil peneroka.

## LPT

**Mengenai** penyediaan prasarana asas pula, khususnya ura-ura pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang telah lama tertangguh hingga menimbulkan kegusaran penduduk mengenai nasibnya, kerajaan negeri telah mendapat jaminan daripada pihak terbabit mengenai komitmen perlaksanaannya.

Sebagaimana diumumkan oleh Mohd Khalil pada 30 April 1998, beliau menerima jaminan daripada Malaysian Mining Corporation Bhd (MMC) yang ia akan meneruskan projek pembinaan LPT bernilai RM3,600 juta itu.

Jaminan itu diberi oleh Ketua Eksekutif Kumpulan MMC, Tan Sri Ibrahim Menudin, dalam suratnya bertarikh 22 April 1998.

"Syarikat itu telahpun melantik pengurus projek, jurutera-jurutera, penasihat-penasihat kewangan dan undang-undang, perunding EIA, juruukur, kontraktor tanah dan lain-lain sejak 1996 lagi," kata Mohd Khalil kepada media selepas majlis mesyuarat kerajaan negeri.

MMC mengetuai konsortium pembinaan LPT sejauh 340km (Karak-Kuantan-Besut). Anggota lain konsortium ialah Malaysia Thai Development Bhd (MTD) dan United Engineers (M) Bhd (UEM).




*INI KUNCINYA ... menyerahkan kunci kepada pemilik unit Perumahan Awam Kos Rendah di Kg. Kempadang, Kuantan.*



*BERI PADA YANG MEMERLUKAN.*

*MENINJAU KE DALAM RUMAH KOS RENDAH.*









JAMBATAN TANJUNG LUMPUR ... meninjau jambatan yang sedang dalam pembinaan.

NAK BERBUKA NI ... berbual sementara menunggu waktu berbuka puasa sempena majlis itu di Kem Batu 10, Kuantan pada 5 Januari 1999.

# 10 Kepemimpinan Politik

Mohd Khalil Yaakob menyertai UMNO pada tahun 1962, iaitu tahun akhir pengajiannya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pembabitan aktifnya dalam politik tertangguh sementara apabila berada di perantauan setelah memulakan tugasnya sebagai Pegawai Hal-ehwal Politik di Kementerian Luar pada 1966.

Sekembalinya ke tanah air, beliau menyertai UMNO Bahagian Pekan dan menjadi Ketua UMNO Bahagian pada tahun 1974. Ketika itu Dato' Seri Najib Tun Razak belum menyertai UMNO Bahagian itu.

Beliau memberi laluan kepada Najib mengetuai UMNO Bahagian itu pada September 1982, lalu menyertai UMNO Bahagian Maran dan terus diberi tempat untuk mengetuai Bahagian tersebut. Beliau menjadi ahli parlimen Maran pada tahun yang sama.

Pada tahun 1983, semasa menjawat jawatan Timbalan Menteri Pelajaran, beliau menyertai saingan dalam perebutan kerusi Majlis Tertinggi UMNO untuk kali pertama, dan beliau menang dengan mendapat undian terbanyak daripada 20 kerusi yang dipertandingkan.

Selepas itu, beliau dinaikkan pangkat kepada menteri penuh di Jabatan Perdana Menteri. Apabila beliau pulang ke Pahang menjadi Menteri Besar pada 14 Ogos 1986, beliau masih mengetuai UMNO Bahagian Maran dan masih menjadi ahli Majlis Tertinggi parti.

Empat tahun kemudian, beliau menyatakan hasrat untuk merebut jawatan naib presiden UMNO, tetapi menarik diri kemudiannya. Pada persidangan media bersama dengan Menteri Besar Selangor ketika itu, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib pada 25 November 1993, katanya: "Kami bersetuju untuk menarik diri bagi meningkatkan peluang menang untuk rakan-rakan Menteri Besar yang lain."

Pada pilihan raya umum 1995, beliau bertanding di kawasan parlimen baru iaitu Paya Besar, kemudian mengetuai UMNO Bahagian itu yang juga baru ditubuhkan. Beliau mengetuainya hinggalah ke hari ini.

## Kejayaan Pilihan Raya

**Semasa** beliau menjadi Menteri Besar, beliau mengetuai Barisan Nasional Negeri menghadapi dua pilihan raya umum iaitu pada tahun 1990 dan 1995. Pada pilihan raya umum 1990, kerajaan BN hanya tewas dua kerusi iaitu di Pulau Tawar dan Teras daripada 38 kerusi yang dipertandingkan. Pada pilihan raya 1995 pula, kerajaan BN tewas satu kerusi sahaja di Triang daripada jumlah kerusi yang sama.

Mohd Khalil turut mengetuai beberapa pilihan raya kecil seperti untuk kerusi parlimen Bentong dan kerusi negeri di Teruntum, kedua-duanya pada tahun 1991, begitu juga di Batu Talam pada Ogos 1993.

Calon-calon BN, iaitu masing-masing Dato' Lim Ah Lek, Dato' Kan Tong Leong dan Dato' Syed Ali Mohamad telah menang dengan majoriti besar. Pada pilihan raya kecil untuk kerusi Parlimen Lipis pada Februari tahun 1996, BN menang tanpa bertanding.

Sewaktu pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1993, akhbar Mingguan Malaysia yang menemuramahnya dan disiarkan pada 10 Oktober tahun yang sama memetik Mohd Khalil sebagai berkata mengenai pasukan yang media gelarkan "Team Wawasan", katanya:

> "Mereka lupa bahawa Ketua-ketua Perhubungan UMNO negeri yang ada sekarang yang menyokong 'Team Wawasan' ini merupakan mereka yang berdiri teguh di belakang Dr. Mahathir sewaktu Presiden UMNO itu dicabar pada tahun 1987."

Beliau memberi jaminan kesetiaan mereka mendokong pimpinan Dr. Mahathir tidak goyang sedikitpun.

Apabila BN tewas pada pilihan raya kecil Arau pada 1998, beliau telah diberi tugas oleh Majlis Tertinggi UMNO untuk mengetuai pasukan siasatan tentang kekalahan tersebut, dan laporan itu nyata tidak menghampakan.

Ekoran itu, beliau telah diberi tugas besar oleh Majlis Tertinggi sekali lagi. Kali ini sebagai Pengarah Operasi pilihan raya negeri Sabah, pada April 1999. Dan kejayaan besar BN pada pilihan raya itu (31 kerusi, 24 daripadanya milik UMNO) telah dikatakan sebagai punca kepada pelantikan beliau sebagai Setiausaha Agung UMNO yang baru, serentak itu diberikan tugas sebagai Menteri Penerangan, berkuatkuasa 25 Mei 1999.

Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memuji kewibawaannya mengemudi pilihan raya itu yang disambutnya dengan penuh rendah diri, kononnya ia berkat kerjasama semua pihak.

Lantas semasa lintas-langsung siaran keputusan pilihan raya menerusi TV1 malam itu, Perdana Menteri berkata: "*You're being very modest.*" (Awak terlalu merendahkan diri.)

Selepas tamat tempoh Mohd Khalil sebagai Menteri Besar Pahang ke 13, dan rekod memimpin negeri kira-kira 13 tahun, beliau terus dikekalkan sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri dan BN. Kerana itu tidak hairanlah apabila pada makan malam meraikan perpindahan Mohd Khalil ke peringkat pusat pada 22 Mei 1999, Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Abdullah Kia berpantun:

> "Bagaimanalah dapat kami cari rakan,
> Rakannya tuan mesra sekali,
> Bagaimanalah dapat kami lupakan,
> Tuan penentu pencalonan kami."



DAFTAR DIRI ... *untuk pengundian pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. (1997)*



SOLAT ... *mengaminkan doa selepas sembahyang Maghrib sempena majlis berbuka puasa anjuran Perhubungan UMNO Pahang di Dewan Konvensyen, Kuantan. (1999)*



*IRING ... mengiringi Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada kempen BN sempena pilihan raya negeri Sabah. (3 Mac 1999)*




*KEMPEN SABAH ... sedang berucap pada satu daripada kempen Barisan Nasional pada pilihan raya negeri Sabah. (Mac 1999)*




*MINUM DI KEDAI ... Dato' Seri Mohd Khalil bersahaja melayani penduduk tempatan sambil minum di restoran pada pilihan raya negeri Sabah. (Mac 1999)*



*TINJAU ... semasa meninjau pusat pengundian sempena pilihan raya negeri Sabah. (Mac 1999)*

*TARIK TIRAI ... semasa mewakili Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan perumahan kakitangan penjara di Matambai, Sabah. (3 Mac 1999)*






*MAJLIS MIC SABAH ... mengiringi Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan Konvensyen MIC Sabah di Kota Kinabalu. (7 Mac 1999)*



*TINJAU PERSIAPAN ... Mohd Khalil meninjau persiapan terakhir Perhimpunan Agung UMNO 1999 di PWTC.*



*BERSILA ... sambil mendengar forum menangani fitnah pada malam menjelang Perhimpunan Agung UMNO 1999 di Dataran PWTC. (17 Jun 1999)*



SETIAUSAHA AGUNG UMNO, KHALIL ... bergambar beramai-ramai pada Perhimpunan Agung UMNO 1999 di PWTC.





*KACAU DODOL ... menyertai acara kacau dodol di Ampang, Selangor pada 27 Februari 1995.*

*TIGA SEKAWAN ... semasa hadiri majlis UMNO di Temerloh bersama-sama Dato' Seri Najib Tun Razak dan Dato' Sabbaruddin Chik. (18 Julai 1993)*



# 11 Orangnya, Khalil ...

## Kelasakan, Hobi dan Amalan *PRN*ya

**Mohd Khalil** ialah seorang yang lasak tetapi berjiwa seni, seorang yang tegas tetapi mudah didampingi, seorang yang kemas tetapi tidak cerewet, seorang yang luas pengalaman tetapi tidak ranggi, seorang yang baik budi-hati tetapi tidak begitu dihargai.

Mungkin apa yang digambarkan tentang orangnya Khalil ini adalah terlalu *simplistic* atau terlalu mudah, tetapi itulah agaknya sebahagian besar daripada sifat Mohd Khalil yang kita kenali.

Jangan benarkan tubuh badannya yang tinggi dan sasa disalah ertikan sebagai seorang yang sombong-bongkak. Tidak juga harus disalah anggapkan sebagai seorang yang mendakwa dirinya sahaja yang betul, hingga orang lain tidak betul belaka.

## Lasak

Lasaknya beliau terbukti dengan pelbagai aktiviti luarannya dan yang paling diingati ialah tindakannya berenang di Paya Bungor pada 20 Mei 1996.

Beliau melakukannya bukan untuk berseronok tetapi mempunyai matlamat. Beliau ingin menangkis tanggapan orang ramai betapa paya itu tidak selamat untuk dijadikan *venue* sukan air bagi Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Keenam (1-10 Jun 1996) kerana ada kelihatan buaya di paya itu.

Beliau tidak menafikan tentang kewujudan buaya itu tetapi menurutnya ia tidak akan mengancam nyawa peserta yang akan menyertai sukan air itu dalam acara berkayak dan pertandingan perahu panjang.

Maka pada hari Ahad, 20 Mei, beliau tiba dengan pakaian persilatan berwarna sepenuhnya hitam pada pukul 9 pagi. Beliau memulakan acara dengan meninjau paya, menaiki serta mendayung seorang diri dalam sebuah perahu tradisional "jalur".

Membuktikan kelasakan beliau, tawaran memakai jaket

keselamatan telah ditolaknya mentah-mentah. Selepas tinjauan, beliau kembali ke daratan kemudian menaiki pula sebuah rakit buluh ditemani ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Dato' Omar Othman, mengemudi rakit ke tengah paya kira-kira 200 meter dari daratan.

Beliau kemudian menanggalkan baju lalu menerjunkan diri ke dalam paya pada kira-kira 9.40 pagi, diikuti oleh Omar dan diiringi tepukan kira-kira 3,000 orang yang datang untuk menyaksikan gelagat merbahaya Menteri Besar mereka.

"Dia betul-betul berani. Dia juga telah menunaikan janjinya. Dia kata dia akan renang. Kami bangga dengannya," kata Ketua Kampung Paya Bungor, Encik Mustapha Ismail ketika itu.

Mohd Khalil pula berkata: "Awak telah tengok tadi, saya dan Dato' Omar berenang. Saya hendak katakan bahawa paya ini selamat. Tapi ia memang dalam dan kita perlu hati-hati."

Kelasakan beliau juga boleh dikesan apabila menurutinya dalam lawatan-lawatan mengejut khususnya ke projek-projek pembangunan yang menghadapi masalah ataupun ke kawasan-kawasan ditimpa bencana.

Lawatan untuk menyaksikan masalah pencemaran hutan paya bakau di persekitaran Tasik Cini ekoran pembinaan empangan yang melampaui ketinggian yang diarahkan di Sungai Cini, telah menyaksikan beliau meredah hutan-hutan itu dengan berjalan kaki untuk menyaksikan kesan pencemarannya.

Beliau juga telah sanggup dan berani berjalan di atas permukaan empangan untuk melihat secara lebih dekat tentang kesan ketinggian paras air akibat daripada pembinaannya merentangi Sungai Cini tersebut.

## Tumpang Trak dan Hobi

Pada lawatan ke kawasan-kawasan bencana pula, misalnya kejadian banjir pada 1 Januari 1999, beliau sanggup menumpang trak tentera satu tan, duduk di atas bangkunya bersama-sama wartawan, meredah banjir untuk sampai ke kawasan-kawasan berkenaan khususnya ke Kampung Kemboja, Pekan.

Selain kelasakan sebegitu, beliau juga terlibat dengan aktiviti lasak menerusi hobi-hobinya seperti *snorkelling* dan juga *jet skiing*, dan beliau dikatakan sangat mahir dalam aktiviti-aktiviti ini.

Permainan golf mungkin tidak boleh dikategorikan sebagai aktiviti lasak tetapi ianya adalah hobi nombor satunya. Hebatnya beliau dalam permainan itu hingga satu ketika, beliau pernah memegang handikap seangka (*single handicap*).

Dalam permainan ini juga, Mohd Khalil amat terkenal dengan pukulan jauhnya (*longest drive*) hinggakan pada kebanyakan kejohanan, beliau memenangi anugerah kerana pukulan jauhnya itu.

Sungguhpun usianya sudah melepasi 60 tahun, kehebatannya dalam membuat pukulan jauh terus menonjol hingga mampu mengatasi pemain yang lebih muda.

Disebalik kelasakannya, Mohd Khalil ialah seorang yang berjiwa seni. Nyañyian ialah kesukaannya. Antara lagu-lagu kegemarannya dan sering dinyanyikan ketika majlis-majlis keraian ialah "Kudaku

Lari", "*I Love Paris*", "*Speak Softly Love*" dan sebuah lagu Orang Asli bertajuk "Joget Kapal terbang".

Semasa menyanyi, satu perkara yang sering dilakukan ketika itu ialah menghentak-hentakkan sebelah kakinya ke lantai, menurut rentak lagu khususnya yang berirama rancak.

Minatnya dalam nyanyian rupa-rupanya telah terserlah sejak di zaman universitinya lagi. Begitu hebatnya beliau menyanyi hinggakan beliau dikatakan jarang membeli sabun dan ubat gigi kerana sering memenangi pertandingan nyanyian yang hadiahnya ialah bahan-bahan keperluan harian tersebut.

Beliau juga mempunyai bakat melukis. Untuk mengenali ciri lukisannya, kita akan dapat perhatikan dalam lukisan beliau, raut-raut insan yang dilukis berbentuk panjang.

Antara lukisan beliau yang menarik, dan agak misteri juga, tidak disiapkan, digelar beliau sebagai, "*The Unfinished Painting*".

Mohd Khalil juga ialah orang yang mempunyai tahap *PR* (perhubungan awam) yang tinggi. Banyak daripada kapten syarikat asing yang membuat keputusan untuk melabur di Pahang ialah kerana amalan *PR*nya yang mengagumkan itu.

"Kita boleh menyanyi bersamanya. Kita boleh berbual serta berkongsi jenaka lalu ketawa besar dengannya semasa menghadiri makan malam secara persendirian.

"Ini membuat kita terasa dekat dan mesra yang memudahkan kita berkomunikasi lalu membolehkan kita membuat pelaburan dan menyaksikan pelaburan itu dilaksanakan dengan licin dan lancarnya di negeri yang diketuainya," kata bekas Pengerusi dan Pengarah Urusan BASF (M) Sdn Bhd, Juergen Knust (April 1994-September 1997).

*PR*nya yang baik itu juga ketara semasa lawatan kerjanya ke Kemboja pada Mei 1996. Dengan hanya menyampaikan beberapa lagu di atas pentas sempena makan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri, Samdech Hun Sen, di Phnom Penh, telah menerbitkan rasa kemesraan antara beliau dengan pemimpin tersebut lalu secara tidak langsung, merapatkan hubungan antara kedua-dua negara.

"Begitu sukanya Hun Sen melihat gelagat beliau menyanyi, Hun Sen telah membisik sesuatu kepada isterinya lalu isterinya mundar-mandir ke pentas, menyampaikan sejambangan bunga kepada Mohd Khalil sedang dia masih mendendangkan lagu," kata seorang daripada anggota rombongan ke negara baru tamat perang itu.

Oleh kerana *PR*nya itulah maka tidak hairanlah apabila Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memujinya pada majlis perasmian kilang Pahang Cement pada Jun 1997.

Dr. Mahathir telah menyebut tentang hobi menyanyi Mohd Khalil yang telah berjaya merapatkan hubungan dengan para pelabur.

*PR*nya yang baik itu bukan untuk orang besar-besar sahaja, malah dengan rakyat jelata juga. Acapkali apabila beliau melawat ke daerah-daerah, beliau mengetepikan protokol lalu bersahaja demi menjengah kehidupan harian rakyat.

Di pejabatnya di Wisma Sri Pahang pula, suasananya seolah-olah sebuah klinik apabila hampir saban hari, ada sahaja rakyat yang datang menemuinya bagi mengadu pelbagai masalah. Hanya seorang

pendengar baik sepertinya sahaja yang mampu bersabar menghadapinya.

Di kalangan rakan-rakan rapatnya, Mohd Khalil boleh disimpulkan sebagai seorang yang terlalu baik hati lalu sesiapa yang dikira rakannya, dijagai persahabatan itu dengan cermat. Bagi mereka yang menganggap beliau sebagai seteru, padanya, beliau harus melakukan sesuatu untuk memenangi hati mereka agar tidak lagi berseteru dengannya.

"Dialah Mohd Khalil, seorang yang *magnanimous* yang tidak suka berkata perkara yang buruk mengenai seseorang melainkan didiamnya sahaja," kata rakannya lagi.



*KITA NAIK TRAK INI ... kata Mohd Khalil kepada wartawan sempena lawatannya ke kawasan-kawasan dilanda banjir di Pekan pada 1 Januari 1999.*




*OTOT SIAPA LEBIH BESAR? ... semasa lakukan lawatan ke tempat latihan kontinjen Pahang menghadapi SUKMA 1996.*



*JAGUH PAYA BUNGOR ... buayanya mana?*



BERSAMA ISTERI SELEPAS RENANGI PAYA BUNGOR.



ITU DATO' OMAR ... menyatakan sesuatu kepada Pengarang Kumpulan NST, Ahmad Talib sempena perasmian pameran foto di Plaza Kuantan.

LARIAN SUKMA 1996.


KHALIL
& Obor



SEGAK ...




MPK



**SAPU BAGI BERSIH ...** *menyertai gotong-royong membersihkan kawasan Taman Gelora, Kuantan.*



KHALIL SEORANG PELUKIS.



MAKAN DURIAN ... *pelabur Jepun dipersilakan Mohd Khalil menikmati raja segala buah.*



AKSI PEMAIN GITAR ... *selepas merasmikan Courts Mammoth, Kuantan. (Jun 1998)*


MAHA
CRATE
YAMAHA




AKSI DENGAN JET SKI.



CUBA ... mencuba alat senaman setelah merasmikan pejabat "Galeri Pentas TV3" di Kuantan. (30 Disember 1997)

# 12 Orangnya, Khalil ...

## Sikapnya dengan Kakitangan dan Cara Berpakaian

Oleh kerana tubuh badannya yang tinggi dan sasa, mereka yang tidak mengenali Mohd Khalil menyalahanggapkannya sebagai seorang yang sukar didekati, bongkak dan garang terhadap kakitangan sama ada kakitangan kerajaan mahupun kakitangan di pejabat Menteri Besarnya.

Sedangkan beliau ialah seorang yang mudah untuk berkomunikasi, dan kakitangan kerajaan khususnya ketua-ketua jabatan, berasa mudah untuk berurusan dengannya.

Sememangnya beliau amat sukar untuk berasa yakin dengan seseorang yang baru berkhidmat di negerinya namun apabila beliau telah yakin, beliau yakin penuh lalu memudahkan ketua-ketua jabatan untuk melaksanakan apa-apa tugasannya.

Sementara seseorang itu berjaya mendapatkan keyakinan penuhnya, mereka hendaklah terlebih dahulu membuktikan keupayaan dengan melaksanakan satu-satu program atau projek pembangunan dengan jayanya.

Lanjutan daripada itu, mereka pasti memenangi keyakinannya dan akan mendapati mudah sahaja menunaikan urusan tanpa banyak lagi persoalan daripadanya.

"Satu daripada sifatnya ialah, beliau tidak mudah terpengaruh dengan kata-kata seseorang mengenai sesuatu perkara sungguhpun beliau kelihatan seorang pendengar yang baik kepada kata-kata yang disampaikan kepadanya.

"Beliau hanya akan terpengaruh setelah menyelidiki kesahihannya, dengan ini didapati, beliau sering membuat keputusan yang tepat mengenai sesuatu perkara khususnya yang berkaitan dengan pembangunan negeri," kata seseorang daripada pegawainya.

Oleh kerana sikapnya itulah maka pada satu ketika, telah berlaku perselisihan nyata antara seorang dua ketua jabatan dengan seorang ketua pentadbiran kerajaan, namun beliau mengambil peranan sebagai penimbang tara yang berkesan.

Oleh itu, keharmonian dalam pentadbiran kerajaan negeri terus

berjalan lancar hingga membolehkan ketua-ketua jabatan berkenaan melaksanakan tanggungjawab harian mereka tanpa gangguan.

Mohd Khalil juga ialah orangnya yang tidak pernah memberikan laporan sulit yang buruk terhadap seseorang ketua jabatan, baik persekutuan ataupun negeri.

Misalnya, dalam perselisihan antara seorang dua ketua jabatan dengan ketua pentadbiran negeri, laporan sulit mengenai ketua-ketua jabatan itu telah ditulis begitu buruknya sedangkan Mohd Khalil langsung tidak membuat laporan yang sedemikian.

Yang dilaporkannya hanyalah yang baik-baik belaka yang telah dilakukan oleh ketua jabatan terbabit, di negeri ini. Dengan laporan itu pada kebanyakan masa, ketua jabatan berkenaan meninggalkan Pahang berpindah ke jawatan yang lebih kanan di negeri lain.

Dan ketua-ketua jabatan ini selalunya telah bercakap baik mengenai Mohd Khalil setelah mereka berpindah keluar dari negeri ini. *Remarks* sebegini turut diketahui oleh ketua jabatan yang ditukarkan ke negeri ini.

Dengan ini, ketua-ketua jabatan ini pula mempunyai pandangan yang positif mengenai kepemimpinan Mohd Khalil, lalu meningkatkan keazaman untuk melakukan yang terbaik apabila menerajui jabatan masing-masing di negeri ini.

Dalam urusan seharian kerajaan negeri, memang tidak dinafikan berlaku pelbagai masalah akibat kesilapan dalam menguruskan satu-satu program atau projek pembangunan.

Namun bukan sifat Mohd Khalil untuk mencari *scapegoat*. Sebaliknya beliau mencari jalan keluar dalam usaha untuk menangani seterusnya mengatasi masalah yang dihadapi itu.

Contoh terbaik ialah apabila isu empangan Sungai Cini timbul hingga media massa membesar-besarkannya dan manyalahkan kerajaan negeri kerana menyalahkendalikan projek ini.

Empangan itu telah dibina melebihi parasnya hingga menyebabkan paras air Sungai Cini dan Tasik Cini dihujungnya naik lalu melimpahi daratan khususnya hutan paya bakau sekitarnya hingga memusnahkan spesis hutan di dalamnya.

Agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam perlaksanaan projek pembinaan empangan ini ialah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), namun agensi ini tidak pernah dipersalahkan secara terbuka.

Yang lebih dititikberatkan oleh Mohd Khalil ketika itu ialah untuk mencari penyelesaian dan keputusan diambil agar paras empangan itu direndahkan, demi merendahkan semula paras air di Sungai Cini dan Tasik Cini.

## Kakitangan Pejabat

**Sikapnya** terhadap kakitangan pejabatnya khususnya para pegawainya, adalah cukup baik. Selain para pegawainya bebas untuk menghubunginya pada bila-bila masa sekalipun dalam sehari, Mohd Khalil juga mudah ditemui dalam pejabatnya dalam rangka pegawainya hendak menyelesaikan satu-satu masalah atau mendapatkan pandangannya tentang satu-satu perkara pula.

Sebagai bekas diplomat, hubungannya dengan para pegawainya juga dijalankan dengan penuh diplomasi hinggakan para pegawai terasa dihormati dan dihargai oleh "boss"nya.

"Malah dalam satu-satu majlis atau lawatan yang dilakukannya, beliau sengaja mengajak pegawainya berbincang dengannya di hadapan khalayak yang lain yang termasuk para pegawai syarikat atau badan kerajaan.

"Ini secara tidak langsung telah menimbulkan rasa hormat khalayak itu terhadap pegawainya, lalu dengan itu lebih memudahkan lagi pegawainya menjalankan tugas seharian setelah mendapat penghormatan tersebut," kata seorang daripada pegawai di sebuah agensi kerajaan negeri.

Hubungan "boss" dan pegawai ini sering dilihat seperti menyamai pula pertautan keluarga. Oleh kerana itulah ada di kalangan kakitangan yang telah lama berkhidmat dengannya, dianggap seolah-olah anak angkatnya.

Para pegawai ini pula, yang kemudian mengambil keputusan untuk *find their own way*, sering berakhir dengan memperoleh sokongan dan bantuan daripadanya.

Maka tidak hairanlah ada antara pegawainya itu yang telah menjadi Setiausaha Parlimen, ahli exco kerajaan negeri mahupun Ahli Dewan Undangan Negeri – semuanya kerana sokongan dan bantuannya juga.

## Cara Berpakaian

**Mohd Khalil** juga sentiasa dilihat berpakaian kemas. Dan dalam hal ini, ia lanjutan daripada sikapnya sejak zaman remaja lagi.

Ketika zaman remaja, beliau dilihat sebagai *trendsetter* dikalangan rakan-rakan sebaya dengan antaranya memulakan berpakaian seluar ala "bell-bottom", yang kemudian menjadi ikutan rakan-rakannya itu.

Oleh kerana sikap kemasnya itu, tidak dapat tidak, para pegawainya juga cuba meneladaninya dan daripada riak-riak mukanya, beliau amat menyenangi akan perkara itu.

Secara kebetulan, kemasnya itu bersesuaian pula dengan tubuh badan sasanya. Sasanya itu pula berotot-otot (*muscular*) lalu menyerlahkan lagi bentuk *gentleman*nya.

## Berotot-otot

**Memang** Mohd Khalil sendiri menitikberatkan untuk memiliki tubuh badan yang berotot-otot. Seperti yang diceritakan oleh adik-beradiknya, beliau gemarkan ini sejak remaja juga.

"Ketika itu, mana ada alat angkat berat seperti se'-arang. Dibuatnya alat itu dengan memasukkan simen ke dalam tin (bekas sejenis minuman berjenama) yang kemudian dilekatkan kedua-dua tin itu pada hujung sebatang kayu panjang," kata mereka.

"Lalu diangkatnyalah setiap hari. Itu sebabnya lengannya berotot-otot," kata mereka lagi.

Hingga kinipun, amalan itu diteruskan. Tidaklah lagi

menggunakan alatan *do-it-yourself* itu, tetapi dengan menggunakan peralatan senaman moden, sambil melakukan senaman dengan berjalan kaki, bermain golf atau berenang.

Apabila berada di luar negara di mana beliau tidak begitu dikenali awam, beliau lebih gemar berjalan kaki ke sana ke mari – berbatu-batu jauhnya hingga anggota rombongannya yang lain tidak termampu untuk "mengejar"nya.

"Saya suka buat senaman kerana jika tidak, saya rasa tidak sedap badan," kata Mohd Khalil.

*MAKAN MALAM PERPISAHAN ... berucap sesuatu pada majlis anjuran wakil rakyat Pahang di Shahzan Inn, Kuantan pada 22 Mei 1999.*






*CUBA KAMERA ... semasa meninjau barangan di Courts Mammoth, Kuantan. (Jun 1998)*

*LIPAT DATO' SERI ... aksi selepas merasmikan pertandingan sepak takraw "Juara Metro" anjuran Berita Harian di padang MPK 1 Kuantan pada Julai 1997.*





REHAT SEKEJAP ... menunggu giliran untuk lakukan balingan pada permainan boling padang di padang MPK, Kuantan.



BERSAMA MEDIA ... diberikan cenderamata sempena makan malam media Pahang di Taman Budaya, Kuantan. (26 Ogos 1998)


"... BERSAMA MEDIA-
BUAL-BUAL DENGAN Y.A.B"
26 OGOS 1998




Bersama sebahagian daripada ahli rombongan misi pelaburan Pahang ke Amerika Syarikat. (19 Nov-1 Dis 1997)




KENANGAN BERSAMA ... pasukan Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang dan Pasukan Penghulu Pahang pada perlawanan persahabatan di Stadium Darul Makmur, Kuantan. KDYTM Tengku Mahkota mewakili pasukan penghulu. (17 Mei 1999)


SHARP
DIADORA

# 13 Keluarga Tercinta

## Keluarga Tercinta

Secara rasmi, keluarga Mohd Khalil bermula setelah perkahwinannya dengan gadis idaman, Zurina binti Kassim pada 28 Februari 1965. Jejaka ketika itu berusia 28 tahun, tampan berbadan tegap, penuh berotot; gadis pula, 21 tahun, lemah-lembut, cantik manis, kulit cerah langsat.

Perkahwinan itu bermula dengan cinta yang berputik antara kedua-duanya tatkala si teruna bekerja di Kementerian Luar sebagai Pegawai Luar dengan si dara selalu melintasi pejabat itu dalam kenderaan yang dipandunya semasa waktu makan tengah hari.

Tidak lama selepas itu, si teruna berjaya menjejaki pejabat si dara, berputik cinta, terus melangsungkan perkahwinan yang kini sudah bertahan lebih 30 tahun.

> *Datuk Khalil recalls how he won his wife's heart ... and hand. "There were lots of qualified people (actually, his was the 20th proposal) but I had something extra – muscles," he says, flexing his biceps unconsciously.*

Itulah ungkapan kata yang dipetik daripada temuramah khas Mohd Khalil dengan akhbar *Sunday Mail* bertarikh 6 Jun 1982.

Selepas perkahwinan dan dikurniakan anak pertama, Mohd Raznam, setahun kemudian, Mohd Khalil ditugaskan sebagai Pegawai Hal-ehwal Politik, Kementerian Luar Malaysia di Rom, Itali membawa bersama-samanya keluarga yang terlalu muda.

Selepas itu diikuti lagi tiga tugasan luar negara iaitu Maghribi, Singapura dan Indonesia. Di Singapura, keluarga ini memperoleh cahaya mata kedua, seorang puteri – Lala Nezha, manakala di Indonesia, memperoleh yang bongsu, Rahadian Mahmood.

Selepas 13 tahun di perantauan bersama keluarga, Mohd Khalil dipanggil pulang ke tanah air dan menjadi Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) yang baru ditubuhkan.

Ketika di Jengka yang merupakan sebuah kawasan penempatan yang baru dengan kurangnya prasarana asas ketika itu, keluarganya ditinggalkan di Kuala Lumpur. Maka berulang-aliklah Mohd Khalil pada hujung minggu, untuk bersama-sama keluarganya itu.

Kemudian seorang demi seorang anaknya melanjutkan pelajaran

ke luar negeri, manakala yang sulung, Mohd Raznam terus berada di sisi keluarga hinggalah perkahwinannya pada tahun 1995.

Pada bulan April 1999, anak kedua mereka, Lela Nezha pula melangsungkan perkahwinan. Dan kini, keluarga ini menantikan anak yang bongsu, Rahadian Mahmood pula untuk berkahwin sambil ternanti-nantikan cucu yang pertama daripada mereka.

Sesuatu yang menarik tentang keluarga ini ialah hubungan rapatnya dengan kakitangan Mohd Khalil. Oleh itu, tidak menghairankan apabila keluarga ini telah sanggup membiayai perkahwinan serentak pemandu rasmi mereka pada tahun 1996.

Datin Seri Zurina sendiri telah dikatakan sanggup meminjamkan barangan kemasnya kepada pengantin perempuan, demi menyaksikan majlis itu meriah, untuk kenangan keluarga yang kekal abadi.



*FOTO SEKELUARGA.*




*MENGANJURKAN PERKAHWINAN PEMANDU.*

*KEIBUAN ... isteri ziarahi bayi kepala membesar di FELDA Lepar Hilir Tiga.*





*BERSAMA ISTERI ... pada majlis makan malam sempena Jubli Perak Pemerintahan KDYMM Sultan Pahang di Hotel Hyatt Regency, Kuantan. (9 Mei 1999)*






*SAMPAI KE DAPUR ... Mohd Khalil sanggup sampai ke bangsal memasak demi mengeratkan hubungan antara pemimpin dan rakyat.*

*KORBAN ... saksikan lembu korbannya disembelih pada Hari Raya Aidil Adha di FELDA Lepar Hilir Satu, Kuantan. (8 Mac 1999)*



*ANAK DAN MENANTU TERSAYANG.*

*BERSAMA ANAK DAN MENANTU.*





*BERSEDIA BERSAMA ISTERI, ANAK DAN MENANTU UNTUK MANDI SAMPAT.*




INI LAPORAN
AKHBARNYA.


KCDAT
MALAYSIA
THE BETTER MOVE



*BERKEMAS-KEMAS ...*
*hari-hari terakhir di*
*Wisma Sri Pahang selaku*
*Menteri Besar Pahang.*

*PENGAYUH BECA ... menarik beca dengan isteri sebagai penumpang selepas merasmikan Ekspo MPK 50 tahun di Taman Gelora, Kuantan pada 5 Oktober 1987.*









MELUKIS POTRET ZURINA ... di Taman Kerang, Kuantan pada 23 November 1993.




MASAKAN MEE JAWA? ... sertai pertandingan memasak bersama-sama. (12 Oktober 1988)



MANA PAYUNG TERJUNNYA ... bersama-sama isteri menyaksikan acara payung terjun di Padang MPK.(24 Mei 1995)



*HEMBUS LILIN SAMA-SAMA ... meraikan ulang tahun perkahwinan ke-21 pada 24 Februari 1991.*